ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*


MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

**"DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanha daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, telah bersabda Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam : Seorang anak tidak dapat membalas budi kedua-dua ibu bapanya melainkan jika ia mendapati ibu bapanya dalam keadaan hamba, lalu ia membelinya dan membebaskannya".**
**- Hadis Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.**

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.33 | SUBUH 4.43 | SYURUK 6.07 | DUHA 6.31 | ZUHUR 12.20 | ASAR 3.45 | MAGHRIB 6.31 | ISYAK 7.46
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit


TAHUN **69** BILANGAN **68** | **5 JUN 2024 / 1445 ذوالقعدة 27** | **JABATAN PENERANGAN** | **EDISI RABU PERCUMA**


# LEBIH BND24 RIBU DISUMBANGKAN KE TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN DI GAZA 2023

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BERAKAS**, Selasa, 4 Jun. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku Penasihat-penasihat Bersama Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 pagi tadi telah menerima sumbangan derma dari Jabatan Perdana Menteri bagi tabung berkenaan bertempat di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

**>> Muka 3**



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Penasihat-penasihat Bersama Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 menerima sumbangan derma dari Jabatan Perdana Menteri.**

## Mesyuarat kedua bincang agenda sambutan

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 3 Jun. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman menyatakan beberapa tinjauan terhadap upacara-upacara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 bagi Tahun 2024.

Upacara tersebut seperti Majlis Pemantauan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara akan diadakan di keempat-empat Daerah pada 6 Jun, yang akan datang.

"Ini termasuklah tinjauan awal ke atas persembahan-persembahan khas padang di keempat-empat daerah juga akan dibuat sebagai langkah untuk memastikan kelancaran acara sebelum hari-hari kemuncak di setiap daerah," jelas Yang Berhormat pada Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-78 bagi Tahun 2024 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 6, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hari ini.

**>> Muka 3**

## Rukyah anak bulan Zulhijah, 7 Jun

**Siaran Akhbar : Mahkamah Rayuan Syariah**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 Jun. - Penglihatan anak bulan Zulhijah 1445 Hijrah akan dilakukan di seluruh negara pada petang Jumaat, 29 Zulkaedah 1445 Hijrah bersamaan 7 Jun 2024 Masihi.

Hakim-hakim Syarie dan pegawai-pegawai Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri bersama pegawai-pegawai dari Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan akan berada di tempat-tempat yang telah ditetapkan untuk merukyah (melihat anak bulan Zulhijah 1445H), iaitu di Menara DST, Bangunan DST Headquarters, Lebuhraya Tungku dan Taman Rekreasi Tanjung Batu, Kampung Sabun, Pekan Muara serta Bukit Agok, Jerudong bagi Daerah Brunei dan Muara.

Manakala di Bangunan Hilal Bukit Ambog, Daerah Tutong dan Bangunan Hilal Bukit Lumut bagi Daerah Belait.

Berikutan itu, pengumuman 1 Zulhijah (awal bulan Zulhijah bagi Tahun 1445H / 2024M, seterusnya penentuan Hari Raya Aidiladha (Hari Raya Korban) akan disiarkan melalui Radio Televisyen Brunei (RTB) sebaik-baik sahaja rukyah pada petang, 29 Zulkaedah 1445H / 7 Jun 2024M itu diperoleh melalui pemakluman yang dilakukan melalui siaran RTB.

Orang ramai adalah diminta memberikan kerjasama supaya tidak mendekati tempat-tempat tersebut.

## Terapkan nilai moral, etika dalam penggunaan teknologi

**Siaran Akhbar : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 Jun. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha telah menghadiri Meja Bulat Kerajaan ke Kerajaan (G2G) bagi Keselamatan Dalam Talian dan mengambil bahagian dalam Digital Forum of Small States (FOSS) Ministerial Dialogue mengenai Kerjasama Antarabangsa untuk Tadbir Urus Digital dan Kemasukan Digital.

Acara yang dipengerusikan oleh Menteri Komunikasi dan Penerangan, Republik Singapura, Puan Yang Terutama Josephine Teo diadakan bersama dengan Asia Tech x Singapore (ATxSG) di Singapura bermula 29 dan 31 Mei 2024.

Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam turut hadir menyerikan Gala Pembukaan bagi mengalu-alukan delegasi pada 29 Mei 2024. ATxSG telah dirasmikan secara rasmi oleh Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Heng Swee Keat pada 30 Mei 2024.

**>> Muka 5**


IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei


## Berita Utama



**DIALOG bincang isu, inisiatif keselamatan berkaitan persaingan geopolitik**
**Muka 4**



**MENGGALAKKAN penglibatan pihak berkepentingan dalam inisiatif kelestarian universiti**
**Muka 6**



**PLATFORM bincang isu utama Sektor Kewangan**
**Muka 7**



RENCANA

**LINDUNGI alam sekitar tanggungjawab bersama**
**Muka 21**

Pelita Brunei

# Kembang luaskan diplomasi pertahanan ABDB bersama angkatan tentera sahabat

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**
**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,**
**Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden,**
**Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen,**
**Sayyidina Muhammaddin,**
**Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een,**
**Waba'du**

**ALHAMDULILLAH**, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat sama-sama hadir pada pagi ini bagi meraikan Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang Ke-63 Tahun dalam keadaan negara menikmati suasana aman, damai dan sejahtera.

Di kesempatan istimewa ini, beta mengucapkan tahniah kepada seluruh anggota ABDB, baik yang masih berkhidmat mahupun yang telah bersara. Setinggi-tinggi tahniah juga atas perbarisan yang membanggakan sebentar tadi, yang melambangkan kesiapsiagaan ABDB dalam menunaikan tanggungjawabnya terhadap ugama, raja, bangsa dan negara.

Alhamdulillah, lebih enam dekad penubuhannya, ABDB terus berkembang dengan pesatnya. Beta bangga dan bersyukur atas perkembangan positif mengikut perancangan, khasnya perancangan bagi tahun 2023 dan 2024, antaranya berupa penstrukturan Unit Jentera Tempur menjadi Rejimen Jurutera (Engineer Regiment) Tentera Darat Diraja Brunei, pentauliahan Kapal Tentera Laut Diraja Brunei KDB As-Siddiq dan KDB Al-Faruq dan pengenalan aset baharu iaitu; Unmanned Underwater Vehicle (UUV). Sementara itu, Tentera Udara Diraja Brunei pula telah menerima dua buah dari empat buah Pesawat Angkut C-295MW dan insyaaAllah, dalam masa terdekat juga akan menerima Pesawat Helikopter Tempur baharu bagi menggantikan Pesawat Bolkow BO-105. Selain itu, Markas Angkatan Bersama ABDB juga akan menaik taraf keupayaan Sistem C41-STARnya. Beta penuh yakin bahawa, dengan terus fokus dan komited, maka apa jua yang dirancang akan tercapai, dengan Kementerian Pertahanan dan ABDB berupaya menjadi tauladan terbaik kepada kerajaan beta dalam perancangan, pengurusan dan pelaksanaan projek yang telus, jujur dan berkesan.

Dari sudut pengambilan anggota tentera pula, beta mahu ABDB akan memberikan tumpuan dan penelitian mendalam. Beta difahamkan bahawa terdapat cabaran bagi mencapai jumlah anggota tentera yang diperlukan pada setiap tahun, khususnya bagi Sekolah Pegawai Kadet Akademi Pertahanan ABDB dan Kompeni Rekrut Institut Latihan ABDB.

Pada tahun 2023, pemohon yang lulus pemilihan mengikut kuota yang disediakan di Sekolah Pegawai Kadet cuma sebanyak 57 peratus sahaja, manakala 78 peratus pula bagi Kompeni Rekrut. Cabaran atau trend ini jika berterusan, akan menjejaskan Penstrukturan ABDB ke arah matlamat Gagasan Angkatan 2035. Oleh itu, beta sarankan supaya pihak Kementerian Pertahanan dan pihak berkepentingan di dalam negara untuk bekerjasama dalam menyiapkan laluan di kalangan belia yang berminat untuk berkhidmat dengan ABDB.

>> Muka 4



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Upacara Perbarisan Raksasa Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-63 pada Sabtu, 23 Zulkaedah 1445 Hijrah / 1 Jun 2024 Masihi bertempat di Padang Kawad Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Penanjong Garison.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| Jun MASIHI | HARI | Zulkaedah HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5 | RABU | 27 | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.31 | 12.20 | 3.45 | 6.31 | 7.46 |
| 6 | KHAMIS | 28 | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.31 | 12.20 | 3.45 | 6.31 | 7.46 |
| 7 | JUMAAT | 29 | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.31 | 12.20 | 3.46 | 6.31 | 7.47 |
| 8 | SABTU | 1 Zulhijah | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.32 | 12.20 | 3.46 | 6.31 | 7.47 |
| 9 | AHAD | 2 | 4.33 | 4.43 | 6.08 | 6.32 | 12.21 | 3.46 | 6.31 | 7.47 |
| 10 | ISNIN | 3 | 4.33 | 4.43 | 6.08 | 6.32 | 12.21 | 3.47 | 6.32 | 7.47 |
| 11 | SELASA | 4 | 4.33 | 4.43 | 6.08 | 6.32 | 12.21 | 3.47 | 6.32 | 7.48 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 25 °C | 31 24 °C | 32 25 °C |
| Pekan Bangar | 32 25 °C | 31 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Tutong | 32 25 °C | 31 24 °C | 32 25 °C |
| Kuala Belait | 32 25 °C | 31 25 °C | 32 25 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

5 JUN 2024

### Lindungi kanak-kanak daripada bahaya tembakau

MENERUSI data diperoleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), penggunaan tembakau membunuh kira-kira lapan juta orang setiap tahun dan dianggarkan sebanyak 1.3 bilion penduduk di seluruh dunia adalah pengguna tembakau.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar mengongsikan perkara itu dalam perutusan sempena Sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2024 baru-baru ini.

Menurut Yang Berhormat, beberapa dekad kebelakangan ini, industri tembakau dan yang berkaitan, sering kali dengan sengaja menggunakan pelbagai taktik yang strategik dan agresif dalam menghasilkan pengiklanan dan pemasaran semata-mata bagi menarik orang ramai terutama sekali kanak-kanak dan para remaja untuk menjadi ketagih kepada produk-produk tembakau dan nikotin.

Dari segi pemasaran produk tembakau, pelbagai teknik manipulasi digunakan oleh industri tembakau untuk mempengaruhi generasi muda kepada produk tembakau dan nikotin seperti penghasilan produk tembakau yang mempunyai reka bentuk yang bergaya atau berbentuk mainan, perisa yang menarik, berwarna-warni dan mempunyai slogan pengiklanan dan penggunaan imej yang disasarkan kepada kanak-kanak.

Perkara ini berperanan untuk menormalkan dan mempopularkan produk-produk tersebut dalam kalangan generasi muda bagi menarik perhatian mereka dan seterusnya meningkatkan keinginan mereka untuk mencuba; dan penajaan individu-individu yang berpengaruh (*influencer*) dan mempunyai pengikut (*followers*) yang ramai di media sosial bagi mempromosikan produk-produk tembakau dan nikotin, dan seterusnya mempengaruhi kanak-kanak untuk membeli produk berkenaan.

Yang Berhormat turut mengongsikan bahawa hasil dapatan dari Kaji Selidik Global School Health Survey (GSHS) 2019 menunjukkan bahawa 9.8 peratus remaja yang berumur 13-17 tahun adalah perokok, yang mana 15.4 peratus remaja lelaki dan 4.3 peratus remaja perempuan, manakala penggunaan rokok elektronik dalam kalangan remaja yang berumur 13-15 tahun pula adalah 13.3 peratus, yang mana 19.0 peratus remaja lelaki dan 7.1 peratus kalangan remaja perempuan.

Perangkaan tersebut jelas Yang Berhormat amatlah membimbangkan kerana bahan nikotin boleh memberi kesan buruk kepada perkembangan otak kanak-kanak dan remaja, seterusnya boleh mempengaruhi fungsi emosi dan kognitif mereka, serta meningkatkan risiko ketagihan terhadap tembakau, nikotin dan bahan ketagihan lain.

Dalam hal ini, Kempen Hari Tanpa Tembakau Sedunia pada tahun ini membawa tema 'Melindungi kanak-kanak daripada campur tangan industri tembakau'. Tema berkenaan bertujuan untuk memberi kesedaran awam tentang pengaruh berbahaya industri tembakau dan yang berkaitan terhadap kanak-kanak.

Oleh itu, semua pihak adalah berperanan penting dalam sama-sama membanteras dan menentang industri tembakau. Semoga masyarakat di negara ini, terutama anak-anak *kitani* sentiasa mendapat kesihatan berkualiti dan dijauhi daripada bahaya tembakau dan nikotin.

**- Ketua Penyuntingan (Rd)**



pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Mesyuarat kedua bincang agenda sambutan



SEKITAR Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-78 bagi Tahun 2024 di Dewan Serbaguna, Aras 6, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

>> Muka 1

Yang Berhormat dalam mukadimah alu-aluannya juga menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas kurnia titah perkenan Kebawah DYMM terhadap beberapa perkara seperti bagi atur cara Majlis Kesyukuran yang akan diadakan pada 14 Julai 2024 untuk dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat dan diakhiri dengan Doa Kesyukuran khusus untuk di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Walau bagaimanapun terang Yang Berhormat, masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara adalah masih dikekalkan dengan atur cara sebagaimana yang diaturkan, iaitu bagi Majlis Kesyukuran, Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah untuk diteruskan dengan membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran.

Bagi Majlis Ramah Mesra di Daerah Belait kata Yang Berhormat, untuk diubah kepada Selasa, 30 Julai 2024 dan bagi para penuntut sekolah untuk mengibar bendera kecil sewaktu keberangkatan tiba dan balik Kebawah DYMM semasa Istiadat Barisan Kehormatan yang akan diadakan pada 15 Julai 2024 memandangkan tempoh Istiadat Barisan Kehormatan adalah tidak memakan masa yang lama.

Menurut Yang Berhormat lagi, bagi permohonan ahli persatuan warga emas untuk ikut serta dalam Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi hanya akan dilibatkan pada Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM yang akan datang sahaja dengan memasukkannya ke dalam Kategori Lelaki dan Perempuan Dewasa.

Sementara itu, ujar Yang Berhormat, acara Riadah Berbasikal Keputeraan 2024 untuk diadakan pada Ahad 29 Muharam, 1446 bersamaan 4 Ogos 2024 bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, dengan atur cara mengenainya akan disembahkan ke hadapan majlis Kebawah DYMM oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

"Riadah Berbasikal Keputeraan 2024 juga akan diselitkan dengan Perlawanan Terakhir Tarik Kalat Peringkat Se-Borneo Kategori Heavyweight, iaitu berat badan terkumpul 680 kilogram (kg) bagi merebut Piala Pusingan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Peringkat Kebangsaan Kategori Remaja, iaitu di bawah umur 19 tahun dan berat badan terkumpul 500kg ke bawah bagi merebut Piala Pusingan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah di hadapan majlis Kebawah DYMM dan kerabat diraja semasa acara itu nanti.

"Bagi pengendalian Majlis Ilmu sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM akan disembahkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof setelah perancangan mengenainya selesai disediakan," jelas Yang Berhormat.

Sehubungan dengan itu ujar Yang Berhormat, Kebawah DYMM juga telah mengurniakan titah mengambil maklum terhadap cadangan reka bentuk Vertical Banner, pintu-pintu gerbang di keempat-empat daerah dan telah mengurniakan titah tiada halangan terhadap cadangan-cadangan reka bentuk poster-poster induk, poster pengibaran bendera dan reka bentuk Buku Yaa Siin sebagaimana yang telah disokong oleh Jawatankuasa Kebangsaan dalam mesyuarat sebelum ini.

"Bagi reka bentuk Giant Banner dan Buku Takhtim yang telah mendapat kurnia titah perkenan Kebawah DYMM semasa Majlis Mengadap peramba, kaola, saya pada 15 Mei 2024 untuk dikongsikan dalam mesyuarat.

"Di kesempatan ini, peramba, kaola, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan, junjung kasih dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Kebangsaan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 Tahun atas usaha yang padu dan ia mencerminkan komitmen yang tinggi dalam menyemarakkan lagi Perayaan Hari Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sekali gus melambangkan rasa cinta yang tidak berbelah bahagi *kitani* sebagai rakyat yang bernaung di bawah payung bumi Darussalam," ujar Yang Berhormat lagi.

Mesyuarat kedua tersebut telah dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir ialah Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Kebangsaan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Ke-78 bagi Tahun 2024.

Mesyuarat membincangkan laporan persediaan acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Ke-78 bagi Tahun 2024 antaranya Upacara Pengibaran dan Penurunan Bendera Besar NBD, Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran, Istiadat Barisan Kehormatan, Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah-daerah, Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara dan Riadah Berbasikal Keputeraan 2024.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa berucap pada mesyuarat berkenaan.

# LEBIH BND24 RIBU DISUMBANGKAN KE TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN DI GAZA 2023

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II menyerahkan sumbangan hasil kutipan daripada pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

>> Muka 1

Sumbangan derma tersebut disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof yang berjumlah BND24,871.05.

Sumbangan tersebut adalah hasil kutipan daripada pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan derma tersebut ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin serta pegawai-pegawai kanan dari JPM dan KKBS.

Tempoh kutipan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 telah dilanjutkan sehingga 18 Julai 2024 bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk meneruskan aktiviti-aktiviti amal dan sumbangan derma kepada rakyat Palestin di Gaza.

Orang ramai yang berhasrat untuk mengadakan kutipan derma bagi tabung berkenaan hendaklah memohon kebenaran terlebih dahulu dari Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) selaku Urus Setia Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023, jika hasil kutipan bersih (100 peratus) disumbangkan kepada tabung berkenaan.

Jika ada individu, persatuan dan agensi lain yang berdaftar ingin menderma sebahagian sahaja daripada hasil kutipan bersih yang diperoleh daripada mengadakan aktiviti-aktiviti yang berbentuk hiburan awam, adalah disarankan untuk memohon kebenaran terlebih dahulu dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Selain itu, orang ramai yang berhasrat untuk memberikan sumbangan juga boleh menderma secara dalam talian melalui akaun Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), nombor akaun 00-001-01-0089051 (Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023) atau melalui perkhidmatan BIBD QuickPay dengan mengimbas Kod QR yang boleh didapati di poster-poster dan pelekat-pelekat (*sticker*) Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Peti-peti tabung juga disediakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat, bangunan bank-bank, gedung-gedung peniagaan dan bangunan-bangunan awam di seluruh negara.

Di samping itu, orang ramai juga boleh menghantar derma terus kepada Urus Setia Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 di Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran, Tingkat 2, JAPEM, Bangunan KKBS, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada waktu pejabat.

# DOA KESYUKURAN PENGGUNAAN BANGUNAN BLOK TAMBAHAN BAHARU

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said





YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan melawat ke kelas-kelas di bangunan tambahan baharu berkenaan (atas dan atas kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 3 Jun. - Kementerian Hal Ehwal Ugama pagi tadi mengadakan Majlis Doa Kesyukuran Penggunaan Bangunan Blok Tambahan Baharu Sekolah Menengah Arab Laki-laki Hassanal Bolkiah (SMALHB), Mabna Al-Fuqaha.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Hadir sama ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh; serta para pegawai kanan dari Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Awang Faizal Lutfi bin Haji Abdul Wahid.

Diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Mudirah SMALHB, Dayang Hajah Azizah binti Haji Mohamad.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan seterusnya melawat ke kelas-kelas di bangunan tambahan baharu dan diselajurkan dengan Acara Penanaman Pokok Garcinia Subelliptica oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Bangunan SMALHB yang ada sekarang, mula dibina pada 24 September 1964.

Peletakan batu asasnya dirasmikan oleh Al-Marhum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Sekolah tersebut mula digunakan pada 1967 dengan keramaian pada ketika itu 46 pelajar lelaki.

Pada masa ini, jumlah pelajar adalah seramai 792 orang, iaitu 376 lelaki dan 416 perempuan. Manakala, jumlah tenaga pengajar seramai 103 orang.

Projek bangunan tambahan SMALHB termasuk dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-11.

Pembinaannya menelan belanja sebanyak BND1.4 juta.

Dengan keluasan bangunan 16,307 kaki persegi, ia boleh menempatkan 11 buah kelas, dua buah bilik guru dan satu tandas pelajar berkeperluan khas.

# Dialog bincang isu, inisiatif keselamatan berkaitan persaingan geopolitik



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II semasa menghadiri pertemuan tidak rasmi Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan Asia Tenggara-Amerika Syarikat (AS) yang dipengerusikan oleh Setiausaha Pertahanan AS, Yang Berhormat Lloyd J. Austin III (atas), manakala gambar bawah, Yang Berhormat bersama delegasi delegasi Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam ke Dialog Shangri-La IISS Ke-21.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

**REPUBLIK SINGAPURA,** Isnin, 3 Jun. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof telah mengetuai delegasi Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Dialog Shangri-La IISS Ke-21 di Republik Singapura yang diadakan dari 31 Mei hingga 2 Jun 2024.

Dialog Shangri-La adalah persidangan peringkat tinggi yang diungkayahkan setiap tahun oleh International Institute for Strategic Studies (IISS) bagi membincangkan isu-isu dan inisiatif keselamatan berkaitan dengan persaingan geopolitik, domain keselamatan baharu, perkembangan teknologi serta kerjasama serantau pada masa hadapan.

Setelah bertahun-tahun ia diadakan, dialog tersebut berkembang menjadi persidangan terkemuka dan berkredibel yang menyumbang dengan ketara ke arah membina keyakinan dan menyediakan lapangan penting bagi para pemimpin untuk memupuk kerjasama praktikal.

Dialog tahun ini dihadiri oleh ketua-ketua kerajaan antarabangsa, Menteri-menteri Pertahanan, para pemimpin tentera dan tokoh-tokoh terkemuka pertubuhan keselamatan dari lebih 50 negara Asia Pasifik termasuk NBD.

Ucaptama bagi Dialog Shangri-La IISS Ke-21 telah disampaikan oleh Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr., manakala sesi-sesi plenari telah menampilkan para pemimpin terkemuka termasuk Presiden Republik Demokratik Timor Leste, Presiden Ukraine, Perdana Menteri Lithuania, Presiden Republik Indonesia Terpilih serta Menteri-menteri Pertahanan dari negara-negara tuan rumah dan rantau Asia Pasifik.

Pada 2 Jun 2024, Yang B erhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II juga menghadiri pertemuan tidak rasmi Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan Asia Tenggara-Amerika Syarikat (AS) yang bersidang dan dipengerusikan oleh Setiausaha Pertahanan AS, Yang Berhormat Lloyd J. Austin III.

Mesyuarat secara umumnya telah menyentuh dan bertukar-tukar pandangan mengenai keadaan semasa kerjasama pertahanan di antara AS dan negara-negara Asia Tenggara khususnya dalam menghadapi cabaran keselamatan bersama di rantau Indo-Pasifik.

Pada hari yang sama, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II juga berkesempatan mengadakan perjumpaan singkat secara berasingan dengan Presiden Terpilih Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Prabowo Subianto; Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Menteri Kedua Pendidikan dan Menteri Kedua Hal Ehwal Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Dr. Maliki Osman; dan Menteri Pertahanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Ng Eng Hen.




## HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Selain dari mengasah kekuatan tempurnya, ABDB juga telah berjaya mengembangluaskan lagi diplomasi pertahanannya melalui kerjasama dengan angkatan tentera negara-negara sahabat di peringkat ASEAN, serantau dan antarabangsa. Dengan wujudnya hubungan erat di antara ABDB dengan angkatan tentera sahabat di rantau ini khasnya dan antarabangsa amnya, akan dapatlah memantapkan lagi keupayaan dan persefahaman melalui kegiatan eksesais dan aktiviti dua hala serta pelbagai hala. Persembahan Penerjunan Terjun Payung Bebas Solidariti dari Unit Elit atau Pasukan Khusus 11 buah angkatan bersenjata negara-negara sahabat yang memeterai Memorandum Persefahaman dengan ABDB dan Pameran Industri Pertahanan daripada 20 buah negara sebagai salah satu acara sambutan pagi ini, adalah jelas mencerminkan terjalinnya perpaduan dan diplomasi pertahanan yang kukuh. Beta ucapkan penghargaan kepada negara-negara sahabat yang turut serta dalam Solidarity Jump dan Pameran Industri Pertahanan pada kali ini.

Keceriaan Acara Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-63 ini turut diwarnai dengan kehadiran pegawai-pegawai kanan dan anggota tentera dari Royal Guards Special Force, Bahrain Defence Force yang sedang membuat latihan bersama Exercise Hamad Storm dengan Rejimen Pasukan Khas ABDB di negara ini.

Beta juga sangat gembira atas kehadiran dan keterlibatan penuh semangat anggota Persatuan Bekas Perajurit ABDB (PERWIRA) pada pagi ini dan juga semasa Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang Ke-40 Tahun. Beta ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas komitmen dan sumbangan yang berterusan kepada negara walaupun telah bersara dari perkhidmatan. Tahun ini juga adalah merupakan Ulang Tahun Penubuhan Kementerian Pertahanan yang Ke-40 Tahun dan dalam masa empat dekad itu, alhamdulillah Kementerian Pertahanan telah berjaya mengemudi dengan baik ABDB.

Akhirnya, beta ucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua Ahli Jawatankuasa Sambutan pada tahun ini dan semua yang terlibat dalam perbarisan pagi ini. Beta turut mendoakan agar ABDB akan sentiasa dalam pemeliharaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin*.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah*, *Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

# PRA PELANCARAN PAMERAN FOTO ERATKAN HUBUNGAN 2 NEGARA

**Siaran Akhbar dan Foto : Suruhanjaya Tinggi British di Negara Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 Jun. - Dalam acara penting yang menandakan Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik antara United Kingdom (UK) dan Negara Brunei Darussalam (NBD), Suruhanjaya Tinggi British menganjurkan Rumah Terbuka di Kediaman Pesuruhjaya Tinggi British ke NBD.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Juga hadir, pegawai kanan kerajaan dan pihak berkepentingan utama yang penting dalam hubungan yang terjalin lama antara kedua-dua buah negara.

Bagi memeriahkan sambutan tersebut, pra pelancaran Pameran Foto telah diadakan untuk menggambarkan sejarah yang kaya dan mendalam dikongsi oleh UK dan NBD.

Pameran tersebut merupakan usaha kerjasama dan disokong oleh Jabatan Muzium-Muzium dan Arkib Negara, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan ditaja oleh Indera Motors, Bank Standard Chartered, Kolej Perniagaan Laksamana, CfBT dan NISAI.

Pesuruhjaya Tinggi British ke NBD, Tuan Yang Terutama John Virgoe, dalam ucapannya menyatakan tentang kepentingan majlis tersebut, iaitu sempena Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik kami adalah bukti persahabatan dan kerjasama yang berkekalan antara UK dan NBD.

"Pameran foto tersebut bukan sahaja mempamerkan sejarah kita bersama tetapi juga menyerlahkan banyak pertukaran dua hala yang terus mengukuhkan hubungan kami.

"Saya amat berterima kasih kepada rakan kongsi dan penaja kami atas sokongan mereka dalam menghidupkan pameran ini," kata Tuan Yang Terutama.

Acara tersebut menekankan penghormatan dan kerjasama yang telah mencirikan hubungan UK-NBD sejak empat dekad yang lalu dan menekankan komitmen untuk memupuk hubungan yang lebih kukuh pada tahun-tahun akan datang.



**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan juga turut hadir menyaksikan pameran tersebut.**



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa menghadiri majlis berkenaan dan menyaksikan Pameran Foto (atas). Manakala gambar bawah, turut hadir, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.**



# Terapkan nilai moral, etika dalam penggunaan teknologi

**>> Muka 1**

Semasa Meja Bulat G2G mengenai Keselamatan Dalam Talian, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi berkongsi bahawa perbincangan mengenai keselamatan dalam talian, dengan tumpuan kepada keselamatan kanak-kanak dan maklumat salah dan palsu yang dijana Kecerdasan Buatan (AI) adalah isu penting yang perlu ditangani secara bersepadu, pragmatik dan cara kolaboratif.

The World Economic Forum Global Risk Report 2024 juga telah menyebut bahawa maklumat salah dan salah faham maklumat dan serangan siber, sebagai lima arus teratas berisiko dan dijangka kekal sedemikian untuk tahun-tahun akan datang.

Negara Brunei Darussalam juga tidak terlepas daripada jenayah siber, pelanggaran data, maklumat salah, buli siber dan insiden eksploitasi. Isu-isu ini bukan sahaja mengancam keselamatan dan kesejahteraan individu tetapi boleh memberi kesan kepada masyarakat secara amnya.

Yang Berhormat menegaskan ini bukan isu teknikal atau teknologi semata-mata tetapi juga menyentuh faktor manusia. Oleh itu, pendekatan pelbagai aspek dan pelbagai pihak diperlukan untuk menerapkan nilai moral dan etika, menggunakan teknologi secara bertanggungjawab dan melaksanakan kawalan kawal selia.

Sebagai contoh, untuk menangani cabaran ini, a Child Online Protection Framework telah dibangunkan bersama dengan the International Telecommunication Union (ITU), bertujuan untuk memperkasakan masyarakat dengan pengetahuan dan alatan untuk mengemudi dunia digital dengan selamat. Selain itu, A Content Advisory Council telah ditubuhkan untuk mengawasi perkara berkaitan kandungan digital.

Yang Berhormat seterusnya menekankan bahawa penyedia platform teknologi juga boleh memainkan peranan yang lebih proaktif dan responsif, terutamanya mengenai keperluan negeri-negeri kecil dalam menguruskan kandungan kerana platform ini boleh digunakan dan menjadi perantara untuk menyebabkan kemudaratan individu serta memberi kesan kepada masyarakat.

Semasa Dialog Menteri Digital (FOSS) mengenai Kerjasama Antarabangsa bagi Tadbir Urus Digital dan Kemasukan Digital, yang diadakan pada 30 Mei 2024, Yang Berhormat Menteri berkongsi pandangan tentang kemajuan Negara Brunei Darussalam dalam

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi**

pembangunan infrastruktur digital, sejajar dengan Wawasan Brunei 2035, permainan kesalinghubungan peranan penting dalam perjalanan transformasi digital NBD, memastikan akses meluas kepada perkhidmatan internet yang boleh dipercayai untuk semua.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi juga menekankan bahawa tadbir urus digital adalah asas dan cara tadbir urus dan peraturan tradisional perlu berkembang kerana dunia yang lebih digital dan terhubung merentasi sempadan dan bidang kuasa tradisional.

Oleh itu, kerjasama antarabangsa juga diperlukan, seperti dalam merumuskan norma dan piawaian untuk memastikan kemajuan teknologi dan kemajuan AI kekal dipercayai dan diterima oleh masyarakat.

Sebagai contoh, Negara Brunei Darussalam gembira dapat bekerjasama dengan rakan sejawat ASEAN dalam membangunkan Panduan ASEAN mengenai Tadbir Urus dan Etika AI dan kini sedang berusaha untuk merumuskan Rangka Kerja Panduan AI kebangsaannya sendiri.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; Timbalan Ketua Eksekutif (Telekom), Pihak Berkuasa Industri Teknologi Komunikasi Maklumat (AITI), Dayang Hajah Siti Hairmi binti Haji Ibrahim bersama-sama pegawai kanan dari Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Cyber Security Brunei (CSB) dan AITI.



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa berucap.**



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menghadiri Meja Bulat Kerajaan ke Kerajaan (G2G) bagi Keselamatan Dalam Talian di Singapura.**

# Mesyuarat ketengahkan pelaksanaan keputusan, dasar WHA

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 Jun. - Menteri-menteri Kesihatan dan wakil-wakil daripada beberapa negara Ahli Lembaga Eksekutif Pertubuhan Kesihatan Sedunia (Executive Board - EB) of the World Health Organisation - WHO) telah menghadiri Mesyuarat Eksekutif Sesi Ke-155 yang berlangsung di Geneva, Switzerland bermula 3 Jun hingga 4 Jun 2024.

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke mesyuarat tersebut diketuai oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar yang juga disertai oleh Perwakilan Tetap NBD ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Geneva, Switzerland, Puan Yang Terutama Dayangku Mazlizah binti Pengiran Haji Mahalee serta beberapa pegawai kanan Kementerian Kesihatan.



Lembaga Eksekutif Pertubuhan Kesihatan Sedunia adalah terdiri daripada 34 negara ahli yang dilantik untuk penggal tiga tahun dengan persetujuan komiti setiap rantau WHO.

Mesyuarat-mesyuarat Lembaga diadakan dua tahun sekali iaitu yang pertama pada bulan Januari bagi lembaga untuk bersetuju dengan agenda dan resolusi yang akan dipertimbangkan oleh Perhimpunan Kesihatan Sedunia (World Health Assembly - WHA) untuk tahun tersebut dan mesyuarat kedua berlangsung setiap Mei - Jun iaitu menyusul kepada selesainya Sesi Perhimpunan Kesihatan Sedunia, di mana ia berfungsi untuk melaksanakan keputusan dan dasar WHA, dan juga memberikan panduan bagi memudahkan kerja WHO secara amnya.

**YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa mengadakan kunjungan muhibah dengan Pengarah Agung Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Tuan Yang Terutama Dr. Tedros Adhanom Ghebreyesus.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan**

Semasa Persidangan Kesihatan Sedunia WHA77 yang telah selesai baru-baru ini, NBD telah pun diterima untuk menjadi ahli kepada Lembaga Eksekutif selaku salah satu wakil negara-negara dari Rantau Pasifik Barat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation Western Pacific Region) untuk terma tiga tahun daripada Mei 2024 - Mei 2027.

Mesyuarat Lembaga EB155 kali ini telah pun membincangkan mengenai beberapa isu termasuk hasil WHA77, laporan 'Programme, Budget and Administration Committee of the Executive Board', laporan 'Standing Committee on Health Emergency Prevention, Preparedness and Response (SCHEPPR)' dan yang berkaitan pengurusan, tadbir urus dan kewangan.

Semasa Mesyuarat Lembaga EB155 tersebut, NBD juga telah pun dilantik untuk menjadi ahli komiti SCHEPPR bagi mewakili Rantau Pasifik Barat, untuk terma dua tahun.

Di samping itu, Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga berkesempatan untuk mengadakan kunjungan muhibah dengan Pengarah Agung Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Tuan Yang Terutama Dr. Tedros Adhanom Ghebreyesus untuk membincangkan isu-isu kesihatan serta menyatakan komitmen negara untuk menyumbang kepada kesihatan global.

# BANTU RINGANKAN BEBAN MANGSA BENCANA



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa bencana.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 3 Jun. - Seramai 12 orang ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran di Kampung Setia 'B' dan rumah roboh Kampung Peramu yang berlaku pada 11 Mei 2024 yang lalu, telah menerima bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan Kerajaan Kepada Mangsa Bencana tersebut berlangsung di Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad,Kampung Setia.

Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Pemberian bantuan kewangan ini adalah bagi meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa bencana demi kesejahteraan mereka sekeluarga.

Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.

# Menggalakkan penglibatan pihak berkepentingan dalam inisiatif kelestarian universiti



**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 3 Jun. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengadakan sesi penglibatan pihak berkepentingan dengan menghimpunkan alumni dan rakan industri untuk membincangkan dan memberi maklum balas mengenai inisiatif kelestarian universiti dan rancangan masa hadapan di Bilik Senat, Dewan Canselor, UBD petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Wawasan) di Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad selaku Pengerusi Jawatankuasa Khas Penyelarasan Kebangsaan SDG.

Juga hadir, Naib Canselor UBD, Dr. Hazri Haji Kifle, Alumni UBD, pegawai-pegawai kerajaan dan rakan industri.

Acara tersebut antara lain bertujuan untuk membentangkan Pelan Induk Kelestarian semasa UBD, menyerlahkan matlamat dan inisiatif utama, dan secara aktif mendapatkan maklum balas pihak berkepentingan untuk mengenal pasti kawasan yang berpotensi untuk diperbaiki.



**SETIAUSAHA Tetap (Wawasan) di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Khas Penyelarasan Kebangsaan SDG hadir selaku tetamu kehormat pada acara berkenaan (atas dan atas sekali).**

Pengiran Hajah Siti Nirmala semasa berucap antaranya menyatakan, sejak beberapa bulan yang lalu, UBD amat komited untuk membangunkan Pelan Induk Kelestarian yang komprehensif dan visinya adalah untuk mencipta pelan tindakan yang bukan sahaja membimbing mereka ke arah masa depan yang lebih hijau, lebih mampan untuk UBD tetapi juga berfungsi sebagai inspirasi pembangunan mampan untuk Negara Brunei Darussalam dan Asia Tenggara.

"Perjalanan ke arah kemampanan di UBD telah ditandai dengan usaha dan pencapaian yang signifikan.

"Daripada menyepadukan prinsip kemampanan ke dalam kurikulum, penyelidikan dan operasi kampus kami, kepada memupuk budaya penjagaan alam sekitar dalam kalangan pelajar dan kakitangan kami, UBD berdedikasi untuk berada di barisan hadapan pembangunan mampan.

"Inisiatif kami termasuk pelaksanaan teknologi hijau, promosi kecekapan tenaga dan pengurangan jejak karbon kami," jelasnya.

Pertemuan hari ini tambahnya adalah detik penting dalam perjalanan tersebut dan ia adalah mesyuarat penglibatan pihak berkepentingan terakhir untuk Pelan Induk Kelestarian.

Sehubungan dengan itu, inisiatif tersebut juga adalah sebahagian daripada usaha berterusan UBD untuk menggalakkan penglibatan pihak berkepentingan, memupuk rasa pemilikan dan komitmen yang terjamin terhadap projek kelestarian universiti.

Sesi penglibatan tersebut mengumpulkan pelbagai pandangan dan perspektif daripada pihak berkepentingan

Maklum balas tersebut akan memainkan peranan penting, dalam memperhalusi Pelan Induk Kelestarian semasa dan mengutamakan bidang tumpuan.

Sesi tersebut juga berjaya meningkatkan kesedaran dan pemahaman dalam kalangan pihak berkepentingan tentang usaha kelestarian UBD, memupuk komitmen yang lebih kukuh terhadap inisiatif tersebut.

Tindakan yang jelas dan pelan susulan telah diwujudkan, untuk memastikan maklum balas yang dikumpul diterjemahkan kepada penambahbaikan ketara dalam Pelan Induk Kelestarian.

Pada kemuncak sesi tersebut adalah pelancaran kenderaan elektrik yang disumbangkan oleh pelajar UBD, Chen Dingguang, yang mengikuti pengajian Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (MBA) di UBD School of Business and Economics (UBDSBE).

Kenderaan elektrik tersebut akan meningkatkan dengan ketara inisiatif kelestarian UBD, dengan mengurangkan jejak karbon kampus dan menggalakkan penggunaan teknologi hijau.

Sementara itu, Naib Canselor UBD, Dr. Hazri Haji Kifle dalam ucapannya menyatakan kenderaan elektrik tersebut bersedia untuk memainkan peranan penting dalam meningkatkan kebolehcapaian (*accessibility*) di seluruh kampus yang meliputi 650 ekar dan ditempatkan di 33 bangunan.

Menurutnya, dengan adanya kenderaan tersebut juga akan memudahkan pergerakan pelajar dan kakitangan antara fakulti dan dewan kuliah.

Pengenalan kenderaan elektrik menandakan satu langkah penting ke hadapan dalam komitmen UBD terhadap kelestarian dan berfungsi sebagai contoh inspirasi bagaimana sumbangan individu boleh memacu kemajuan kolektif.

Sesi penglibatan pihak berkepentingan adalah satu kejayaan yang memberangsangkan, dicirikan dengan perbincangan yang bermakna, maklum balas yang berharga, dan pengenalan kenderaan elektrik yang menarik.

UBD kekal komited untuk memperhalusi dan memajukan Pelan Induk Kelestariannya, memanfaatkan pandangan dan dedikasi pihak berkepentingan untuk terus memacu inisiatifnya yang mampan.

# MANFAATKAN KEMAJUAN TEKNOLOGI KEWANGAN ISLAM

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa menyampaikan ucapan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 3 Jun. - Inovasi dalam penggunaan instrumen kewangan Islam adalah penting dalam menyokong pembangunan mampan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berkata, ia juga merupakan peluang keemasan kerana kewangan Islam berusaha untuk mewujudkan impak terhadap alam sekitar atau sosial yang positif dengan memastikan kemakmuran adalah inklusif.

"Ke arah ini, saya ingin menggalakkan kerjasama berterusan dalam kalangan pihak berkepentingan utama, seperti Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), entiti kerajaan yang berkaitan, institusi kewangan, institusi pengajian tinggi, pertubuhan bukan kerajaan dan rakan sejawatan antarabangsa untuk secara aktif menggabungkan inti pati Maqasid Al-Syariah dan elemen kelestarian ke dalam hala tuju dan inovasi perniagaan strategik mereka," ujar Yang Berhormat semasa Simposium Kewangan Islam Negara Brunei Darussalam 2024 yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Menurut Yang Berhormat, adalah penting untuk diambil perhatian bahawa penambahbaikan selanjutnya bukan sahaja harus terhad kepada instrumen kewangan tetapi juga peningkatan dari segi cara penyampaian, dengan penggunaan teknologi.

Untuk mempercepat dan memacu pembangunan kewangan Islam, Yang Berhormat juga percaya, kita perlu memanfaatkan kemajuan Teknologi Kewangan (FinTech) dengan harapan ia dapat memberi rangsangan yang amat diperlukan dalam merintis penyelesaian patuh syariah, menjanjikan kecekapan yang lebih tinggi, mengurangkan kos operasi dan transaksi dalam menyampaikan perkhidmatan kewangan serta menggalakkan rangkuman kewangan.

Melalui platform digital jelas Yang Berhormat, institusi kewangan dan syarikat permulaan FinTech di negara ini boleh mengembangkan skop dan skala perkhidmatan kewangan mereka kepada lebih ramai pelanggan, terutamanya dalam kalangan penduduk yang bijak digital dan tidak mempunyai perbankan.

"Dalam kalangan anggota ASEAN, Negara Brunei Darussalam (NBD) mempunyai indeks pembangunan manusia kedua tertinggi dan indeks penggunaan digital ketiga tertinggi.

"Keadaan yang menggalakkan ini, bersama dengan kadar langganan internet dan telefon mudah alih yang tinggi, menyediakan persekitaran yang membolehkan untuk menguji produk kewangan digital Islam dan lain-lain dalam pasaran kita," ujar Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun tambah Yang Berhormat lagi, dalam landskap kewangan digital yang sentiasa berubah, literasi kewangan digital juga menjadi kompas kita dengan memperkasa individu yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan kewangan yang berkaitan bukan sahaja akan melindungi kita daripada kemunculan risiko teknologi dan siber tetapi juga boleh membantu kita menavigasi ruang digital dengan yakin membuat keputusan termaklum.

"Dalam memajukan peranan kewangan Islam sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran bersama di NBD, marilah kita bekerjasama melalui Pendekatan Seluruh Negara," tambah Yang Berhormat.

Oleh itu jelas Yang Berhormat lagi, simposium tersebut merupakan satu inisiatif yang hebat, dengan pihak berkepentingan yang berkaitan, masing-masing memainkan peranan penting, bersatu, bertukar idea, dan terlibat dalam perbincangan aktif untuk mengatasi cabaran sedia ada terhadap pembangunan kewangan Islam.

Permintaan kukuh dalam pelaburan patuh syariah, perkongsian awam dan swasta yang menggerakkan modal ke arah inovasi kewangan Islam, penggunaan tadbir urus yang betul serta kemajuan penyelidikan dan pembangunan, Yang Berhormat percaya, ini adalah sifat utama untuk memastikan kewangan Islam dapat berkembang dan menyumbang kepada pertumbuhan mampan ekonomi negara kita.

"Pada masa yang sama, ini juga insyaaAllah dapat menyumbang kepada kejayaan menjadikan NBD sebagai sebuah Negara Zikir sebagaimana yang dicita-citakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam," ujar Yang Berhormat lagi.

# Platform bincang isu utama Sektor Kewangan





YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan anugerah kepada penerima (kanan dan atas).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 3 Jun. - Dayang Farah A'liyah binti Haji Amer Hishamuddin diumumkan sebagai penerima Anugerah Kertas Terbaik dalam Kategori Ahli Akademik dan Pekerja Profesional semasa Simposium Kewangan Islam Negara Brunei Darussalam 2024 dengan kertas bertajuk 'The Integration of ESG in Islamic Asset Management - A Practical Approach'.

Sementara itu, Dayang Nurul Amalina binti Suprem pula diumumkan sebagai penerima Anugerah Kertas Terbaik dalam Kategori Pelajar dengan kertas kerja bertajuk 'Catalysing Islamic Finance Crowdfunding in ASEAN, Revolutionising P2P, and Unlocking Equity Crowdfunding Potential'.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan anugerah-anugerah kepada para penerima pada majlis yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Brunei Darussalam Central Bank (BDCB); Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Ahli-ahli Lembaga Pengarah BDCB, Setiausaha-setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan kerajaan, pegawai-pegawai kerajaan, industri kewangan dan ahli-ahli akademik, serta pelajar-pelajar dari institusi pengajian tinggi.

Dengan kerjasama BDCB dan UNISSA, simposium tersebut buat julung kalinya diadakan yang membawa tema 'Peranan Kewangan Islam Sebagai Pemangkin Pertumbuhan Ekonomi dan Kemakmuran Bersama'.

Sementara itu, Pengarah Urusan BDCB, Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar dalam ucapannya merakamkan penghargaan kepada UNISSA atas kerjasama mereka dalam menganjurkan simposium tersebut.

Beliau turut mengongsikan bahawa simposium tersebut adalah hasil daripada Call-For-Papers (CFP) yang diadakan pada September 2023, yang telah menerima sebanyak 24 kertas kerja, merangkumi enam aliran, iaitu Kewangan Lestari dan ESG, Kewangan Sosial Islam, Inovasi Teknologi Kewangan (Financial Technology) ataupun FinTech), Rangkuman Kewangan (Financial Inclusion), Tadbir Urus Syariah, serta Kewangan Islam dan Pertumbuhan Ekonomi.

Beliau juga turut menekankan peranan simposium tersebut dalam memajukan kewangan Islam, menjalin kerjasama, dan sebagai platform untuk membincangkan isu-isu utama dalam Sektor Kewangan.

Selain mengetengahkan inisiatif BDCB dalam mempromosikan kewangan Islam dan inovasi, beliau juga menyeru penglibatan aktif daripada pemain industri ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Pada simposium tersebut, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II juga turut merasmikan pelancaran BDIF Islamic Economics Journal (Special Edition) yang diterbitkan oleh UNISSA.

Sebagai pengiktirafan atas pencapaian para pemenang, kertas-kertas kerja tersebut juga akan diterbitkan dalam jurnal Special Edition.

Simposium tersebut juga menyaksikan pembentangan kertas-kertas kerja tiga teratas bagi setiap kategori.






PENGARAH Urusan BDCB semasa berucap (kiri), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

# 3 PEGAWAI ABDB SERTAI IDB VMAT 6 / 2024





**SEKITAR Majlis Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam yang disempurnakan oleh Pemerintah ABDB kepada Leftenan Kolonel (U) Mohammad Khairul bin Pehin Datu Indera Setia Dato Paduka Seri Haji Sulaiman selaku Ketua Delegasi IDB VMAT 6 / 2024 (atas dan kiri).**

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BOLKIAH GARISSON,** Selasa, 4 Jun. - Negara Brunei Darussalam (NBD) akan menghantar tiga Pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sebagai Ahli Independent Decommissioning Body Verification, Monitoring and Assistance Team 6 / 2024 (IDB VMAT 6/2024) ke Mindanao, Republik Filipina.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Bendera NBD berlangsung hari ini di Bolkiah Garison. Penyerahan Bendera NBD telah disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan kepada Leftenan Kolonel (U) Mohammad Khairul bin Pehin Datu Indera Setia Dato Paduka Seri Haji Sulaiman selaku Ketua Delegasi IDB VMAT 6 / 2024.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke NBD, Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Pemangku Pemerintah Angkatan Bersama ABDB, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pengarah-pengarah Tentera dan Awam, Atase Pertahanan dan Tentera Republik Filipina ke NBD, komandan-komandan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan anggota dari Kementerian Pertahanan.

ABDB telah pun terlibat dalam menjalankan misi IDB VMAT selama lima tahun bagi membantu proses normalisasi di Mindanao, Republik Filipina. Selain itu, dengan penglibatan NBD dalam pelaksanaan misi tersebut juga akan memperkukuhkan lagi hubungan pertahanan kedua-dua buah negara dan menyumbang ke arah kestabilan serantau.

# Perlukan tindakan segera, penyelesaian inovatif dalam perubahan iklim




**SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Kem Musim Panas Universiti Brunei Darussalam - ASEAN University Network (UBD-AUN Summer Camp) 2024 yang berlangsung di Pusat Kesenian Pro-Canselor UBD.**



**SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan semasa berucap.**

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**TUNGKU LINK**, Isnin, 3 Jun. - Cabaran mendesak dalam perubahan iklim, kehilangan biodiversiti dan amalan tidak mampan memerlukan tindakan segera dan penyelesaian yang inovatif.

Dalam konteks inilah matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (SDG) berfungsi sebagai mercu tanda harapan dan hala tuju ke arah masa depan yang lebih berdaya tahan dan mampan untuk semua.

Perkara itu ditekankan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Kem Musim Panas Universiti Brunei Darussalam - ASEAN University Network (UBD-AUN Summer Camp) 2024 yang berlangsung di Pusat Kesenian Pro-Canselor UBD, di sini.

Menurutnya, tema Kem Musim Panas ini, 'Green Horizons', merangkumi visi yang mampan dan dunia berkembang maju di mana alam semula jadi dan teknologi wujud bersama secara harmoni.

Malah, tambahnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam titah baginda, sempena menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-38, Tahun 2022, juga menekankan kepentingan transformasi digital dalam memacu kemajuan ekonomi dan kelestarian.

Terdahulu, Timbalan Pengarah 2, Perhubungan Global, Pejabat Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Global), UBD, Dr. Mohd Khairul Zarifi bin Haji Masri dalam ucapan alu-aluannya, melahirkan rasa gembira kerana UBD menjadi antara universiti pertama yang memulakan siri Kem Musim Panas AUN di seluruh universiti ASEAN.

Ini disusuli dengan ucapan dan seterusnya perasmian yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Lebih 100 pelajar daripada 30 Ahli AUN menghadiri acara tersebut dan UBD merupakan salah satu Ahli Pengasas AUN sejak November 1995.

Pada acara itu, turut diselitkan dengan tayangan video UBD-AUN Summer Camp 2024, yang mempamerkan matlamat dan aktiviti, serta persembahan kebudayaan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Seterusnya, menampilkan penceramah jemputan iaitu penerima hadiah ASEAN 2022, Awang Haji Muhammad Iqbal Fakhri bin Haji Damit, yang mengongsikan pengalaman beliau bersama pelajar mengenai 'Pemerkasaan Belia di ASEAN : Masa Depan Bersama-sama,' dalam menekankan peranan kritikal yang boleh dimainkan oleh golongan muda dalam membentuk masa depan ASEAN.

UBD adalah salah satu daripada 30 universiti dalam AUN, dan pada tahun ini UBD merupakan salah satu daripada sembilan universiti AUN yang menganjurkan Kem Musim Panas AUN.

Inisiatif ini telah disahkan pada Julai lalu semasa Mesyuarat Rektor AUN Ke-14 untuk menggalakkan pertukaran rentas sempadan antara wilayah dan merangsang pengalaman pembelajaran pelbagai disiplin untuk pelajar ASEAN dan memperkasakan mereka di peringkat kemahiran kecekapan global mereka.

Perkhemahan musim panas ini akan diadakan selama 14 hari, yang akan diakhiri dengan majlis penutupan pada 12 Jun ini. Para pelajar akan membentangkan hasil terakhir mereka mengenai topik seperti Bandar Pintar dan Biodiversiti, AI dan Penderiaan Jauh untuk Pemantauan dan Pemeliharaan Biodiversiti, Blockchain dan Rantaian Bekalan Mampan, dan Perkembangan Baharu dalam Sains Pemuliharaan.

Sepanjang tempoh 14 hari itu, para pelajar juga akan mengambil bahagian dalam aktiviti persiaran seperti Pembersihan Pantai dan Majlis Penanaman Pokok Green Horizons.

Turut hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh dan Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.





**ANTARA persembahan pada majlis berkenaan (kiri), manakala gambar kanan antara yang hadir.**

# KETENGAHKAN PENGINTEGRASIAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BRUNEI MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION MYCE 2024




**NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan pembukaan Persidangan Antarabangsa Kali Ke-2 Meneroka Neksus Kesihatan Awam, Alam Sekitar dan Pendidikan (kiri dan bawah kanan).**

**JERUDONG,** Isnin, 3 Jun. - Persidangan Antarabangsa Kali Ke-2 Meneroka Neksus Kesihatan Awam, Alam Sekitar dan Pendidikan selama dua hari bermula 3 hingga 4 Jun 2024 dirasmikan hari ini bertempat di Dewan Indera Kayangan, The Empire Brunei, Jerudong, di sini.

Persidangan tersebut merupakan anjuran bersama antara Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (C3L), Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (IHS) dan Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah (SHBIE), Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Dengan membawakan tema 'Futuring Together : Integrating Lifelong Learning with Sustainable Practices for Healthier Communities and Environments', persidangan tersebut mengetengahkan pengintegrasian pembelajaran sepanjang hayat dengan amalan-amalan mampan, menekankan kepentingan kesihatan dan alam sekitar.

Persidangan tersebut bertujuan untuk memupuk pendekatan pelbagai disiplin bagi mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan menggalakkan kolaboratif serta pemikiran ke hadapan antara para profesional, pendidik dan penggubal dasar demi mewujudkan komuniti dan persekitaran yang lebih sihat dan mampan




**NAIB Canselor UBD semasa berucap pada majlis berkenaan.**

Selain itu, persidangan tersebut juga turut melibatkan kerjasama di antara Kolej Sains Kesihatan Jerudong Park Medical Centre (JPMC), Brunei SDGs di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (Centre for Lifelong Learning - C3L) di bawah Kementerian Pendidikan.

Manakala, tuan rumah bersama persidangan daripada luar negara ialah Mahidol University, Thailand; Universitas Indonesia; Kagawa University, Jepun; University Malaysia Sabah; Sunway University, Malaysia; dan Far Eastern University, Filipina.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan pembukaan persidangan tersebut, Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Terdahulu, Dr. Hazri dalam ucapan alu-aluannya berkata di UBD, komitmen mereka terhadap kecemerlangan dan inovasi dalam pendidikan sangat berkait rapat dengan prinsip pembelajaran sepanjang hayat.

Menurutnya, misi UBD, seperti yang dicerminkan melalui C3L kami menekankan pembangunan pemimpin dan masyarakat yang berfikiran ke hadapan.

"Ini diartikulasikan melalui pendekatan proaktif kami dalam mengintegrasikan SDGs ke dalam kurikulum dan keterlibatan komunitas kami," jelasnya lagi.

Menurut Dr. Hazri lagi, persidangan tersebut berfungsi sebagai platform penting untuk dialog, dengan pertukaran gagasan dan usaha kolaboratif tidak hanya didorong tetapi juga dianggap sebagai alat penting untuk inovasi.

Persidangan tersebut juga tambahnya, bertujuan untuk memajukan pendekatan pelbagai disiplin dalam mencapai SDG dan untuk menggalakkan strategi kolaboratif dan berfikiran ke hadapan dalam kalangan profesional, pendidik dan penggubal dasar (*policy makers*).

Perasmian turut menampilkan ucaptama daripada pakar-pakar terkenal, iaitu Profesor Dr. Mohd. Ayub Sadiq dari UBD dan Profesor Dr. Abdul Karim Alias dari Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Malaysia.

Profesor Dr. Mohd. Ayub Sadiq adalah ahli statistik perubatan dengan latar belakang perubatan, kesihatan awam dan kesihatan pekerjaan, membincangkan 'Digital Transformation in Healthcare.'

Sementara itu, Profesor Dr. Abdul Karim Alias adalah pakar dalam teknologi makanan yang akan membentangkan ucaptama bertajuk 'Harnessing Generative AI for Lifelong Learning'

Pada hari kedua persidangan pula akan berlangsung di Dewan Canselor, UBD.

Ucaptama pertama pada hari tersebut akan disampaikan oleh Profesor Takagi Yumiko dari Universiti Kagawa, Jepun.

Beliau adalah pakar dalam bahan pengajaran mesra alam menggunakan teknologi inovatif seperti cecair *ionic*, akan menyampaikan ucaptama beliau bertajuk 'Proposal on Nutrition Education Research in East Asia Countries-International Contribution through Comparative Study and its Educational Development'.

Manakala, ucaptama kedua akan disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Sarawut Thepanondh dari Universiti Mahidol, Thailand.

Beliau adalah pakar dalam inventori pelepasan dan pemodelan pencemaran udara.

Profesor Madya Dr. Sarawut Thepanondh akan menyampaikan tajuk 'Unified Solutions : Environment, Health and Climate Synergies for a Sustainable Tomorrow'.

Selepas sesi ucaptama, sesi sidang diteruskan dengan pembentangan kertas kerja dan sesi pembentangan poster juga akan berlangsung sepanjang hari tersebut.

Segmen tersebut akan mempamerkan perkembangan penyelidikan dalam pelbagai bidang bagi memupuk persekitaran kolaboratif untuk berkongsi pengetahuan dan idea baharu.

Dua bengkel pra-persidangan juga telah diadakan bermula pada 27 hingga 28 Mei dan pada 29 sehingga 30 Mei 2024.

Kedua-dua bengkel tersebut telah dikendalikan oleh Dr. Nimisha Anya Muttiah dengan tajuk 'Voice for all : Empowering children to communication' dan 'AAC Pathways : Unlocking Children's Communication'.

Beliau merupakan Penolong Profesor dan Pakar Patologi Bahasa Pertuturan dari State University of New York (SUNY), Cortland, Amerika Syarikat.

Sementara itu, bengkel pasca-persidangan juga akan diadakan pada 5 hingga 6 Jun 2024 bertajuk 'Creating Engaging and Effective Micro-Credentials' dikendalikan oleh Profesor Dr. Abdul Karim Alias dari Malaysia.

Untuk memeriahkan lagi persidangan tersebut, pelbagai aktiviti budaya Negara Brunei Darussalam juga turut ditawarkan kepada peserta persidangan.

Antaranya ialah seperti menyelusuri Sungai Brunei untuk melihat keindahan Kampong Ayer, dan bengkel Gulintangan bagi memberi peluang kepada para peserta antarabangsa untuk mengenali budaya tempatan.

Bersempena Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (Brunei MYCE 2024), persidangan tersebut merupakan platform dinamik bagi pendidik, penyelidik, penggubal dasar dan pengurus pembelajaran sepanjang hayat di seluruh dunia untuk bertukar pandangan, berkongsi amalan terbaik, dan membincangkan masa depan pendidikan yang inklusif, dan selaras dengan matlamat SDG global.

Persidangan selama dua hari tersebut dihadiri oleh ahli akademik, para penyelidik dan pakar industri dari seluruh dunia.



PELITA BRUNEI

# IPA lancarkan Program YEP Kali Ke-9



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri (JPM) semasa berucap.**




**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) JPM hadir selaku tetamu kehormat pada Program Eksekutif Muda (YEP) Kali Ke-9.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 Jun. - Program Eksekutif Muda (YEP) Kali Ke-9 bermula pada 3 Jun 2024 dengan majlis perasmian yang disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir pada majlis tersebut, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Awang Norfarizal bin Othman dan Pengarah Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Dr. Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh serta pegawai-pegawai kedua-dua buah jabatan tersebut.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali dalam ucapannya turut mengucapkan tahniah kepada 25 peserta yang terpilih menyertai program tersebut.

Objektif YEP adalah untuk memupuk dan membangunkan bakal pemimpin, dengan nilai tinggi dan tingkah laku positif, yang kemudiannya dapat mencapai keputusan yang diinginkan dan meningkatkan prestasi organisasi.

Program tersebut juga bertujuan untuk memperkukuh keupayaan pemimpin masa depan bagi memenuhi keperluan orang ramai yang sentiasa berubah.

YEP merupakan salah satu program di bawah projek Kumpulan Pemimpin Perkhidmatan Awam (Civil Service Leadership Pipeline - CSLP) yang diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Kohort Ke-9 program akan dikendalikan oleh IPA.

**Siaran Akhbar dan Foto : Institut Perkhidmatan Awam**

# JMSDF ADAKAN MAJLIS RESEPSI



**PEMANGKU Panglima Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Kapten Haji Mohamad Sarif Pudin bin Matserudin hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas dan kanan), manakala gambar bawah, beberapa pegawai Kursus Calon Pegawai Am Ke-74 melawat Muzium Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 3 Jun. - Panglima Skuadron Latihan Jepun, Angkatan Maritim Pertahanan Diri Jepun (JMSDF), Laksamana Muda Nishiyama Takahiro dan Chargé d'Affaires of the Embassy of Japan, Tuan Suda Atsushi menghoskan Majlis Resepsi di atas Kapal JS KASHIMA yang diadakan baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Panglima Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Kapten Haji Mohamad Sarif Pudin bin Matserudin.

Kira-kira 200 tetamu, termasuk anggota TLDB dan kor diplomatik, menghadiri majlis tersebut.

Setelah berlepas dari Pelabuhan Muara, Kapal Tentera Laut JS KASHIMA dan JS SHIMAKAZE akan meneruskan lawatan ke Victoria, Republik Seychelles.



Anak kapal JS KASHIMA, JS SHIMAKAZE dan persatuan-persatuan berkaitan Jepun di NBD turut mengadakan aktiviti kempen kebersihan di Pantai Muara pada Jumaat, 31 Mei 2024.




Usaha ini adalah sebahagian daripada aktiviti JMSDF untuk menyumbang kepada pemeliharaan dan penambahbaikan alam sekitar marin.

Enam kakitangan perubatan dari JMSDF turut melawat Stesen Penerimaan Perubatan (Medical Reception Station - MRS) dan beberapa pegawai dari Kursus Calon Pegawai Am Ke-74 melawat Muzium Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Laksamana Muda Nishiyama Takahiro, Kapten Hiroaki Tanaka, dua pegawai dari JS KASHIMA dan JS SHIMAKAZE serta pegawai-pegawai Kursus Calon Pegawai Am Ke-74 juga berpeluang menyertai Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB di Penanjong Garison.

JMSDF mengesahkan hubungan dua hala yang kukuh dengan TLDB melalui aktiviti tersebut.

# Ganjaran Pahala Sembahyang Di Masjidil Haram

IRSYAD HUKUM
Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam
Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**MASJIDIL** Haram adalah masjid yang afdhal dan lebih istimewa daripada semua masjid-masjid yang lain kerana di sana terdapat Ka'bah yang mulia, Hijr Isma'il, Hajr al-Aswad, Safa dan Marwa serta lainnya. Sememangnya menjadi suatu kerugian besar bagi orang yang berpeluang untuk pergi ke Makkah tetapi tidak memberatkan dirinya untuk pergi ke Masjidil Haram untuk mengerjakan semua sembahyang fardhu dan sunat di sana. Bahkan menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah*, memperbanyak umrah, tawaf dan sembahyang di Masjidil Haram merupakan antara perkara-perkara yang sepatutnya dilakukan oleh mereka yang berpeluang menetap di Makkah. Peluang untuk sampai lagi ke Makkah bukan peluang yang mudah dan mungkin sahaja dia tidak akan berpeluang lagi untuk pergi ke sana selepas itu.

Setiap orang Islam yang berpeluang menjejakkan kaki ke Makkah pasti tidak mahu melepaskan peluang untuk mengerjakan semua sembahyang, sama ada fardhu atau sunat di Masjidil Haram kerana ganjaran pahala mengerjakan sembahyang di Masjidil Haram lebih besar daripada pahala mengerjakannya di masjid-masjid yang lain termasuk Masjid Nabawi. Jabir bin 'Abdullah *Radhiallahu 'anhuma* meriwayatkan bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

**Maksudnya:** *(Satu) sembahyang di masjidku ini (Masjid Nabawi) lebih afdhal daripada 1000 sembahyang di (masjid) selainnya, melainkan Masjidil Haram. Dan (satu) sembahyang di Masjidil Haram itu lebih afdhal daripada 100,000 sembahyang di (masjid) selainnya.*

(Hadits riwayat Ibn Majah)

Antara perkara yang menjadi persoalan orang ramai mengenai ganjaran pahala sembahyang di Masjidil Haram yang disebut dalam hadits di atas, adakah ganjaran yang disebut dalam hadits tersebut khusus bagi orang yang sembahyang di Masjidil Haram sahaja atau merangkumi orang yang sembahyang di luar Masjidil Haram atau lain-lain kawasan dalam Tanah Haram Makkah?

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj, ganjaran tersebut adalah khusus bagi orang yang bersembahyang di Masjidil Haram sahaja dan ia merangkumi bangunan asal masjid serta tambahannya.

Manakala al-'Allamah al-'Imrani *Rahimahullah* pula menyatakan bahawa maksud Masjidil Haram dalam hadits di atas adalah khusus bagi Ka'bah sahaja termasuk bahagian dalam Hijr Isma'il.

Berdasarkan pendapat Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* di atas, orang yang mengerjakan sembahyang di luar Masjidil Haram tidak akan mendapat ganjaran yang disebut dalam hadits berkenaan. Walau bagaimanapun, sebahagian ulama antaranya asy-Syaikh asy-Syarif Muhammad bin Ahmad al-'Utsmani *Rahimahullah* berpendapat bahawa dia masih mendapat ganjaran berkenaan kerana menurut beliau, maksud Masjidil Haram dalam hadits tersebut merangkumi Ka'bah, seluruh kawasan Masjidil Haram dan seluruh kawasan Tanah Haram Makkah. Pendapat ini ada dinukil oleh pengarang kitab al-Bayan Fi Madzhab al-Imam asy-Syafi'i. Asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj ketika menjelaskan maksud Masjidil Haram dalam perkara nazar juga mengatakan sedemikian sebagaimana katanya:

**Ertinya:** *Yang dimaksudkan dengan Masjidil Haram ialah seluruh Tanah Haram (Makkah).*

Dari segi nilai ganjaran pula, terdapat riwayat-riwayat mengenainya yang menunjukkan bahawa pahala sembahyang di Masjidil Haram adalah berganda 100,000 kali daripada ganjaran mengerjakan sembahyang di masjid-masjid yang lain. Antaranya hadits daripada Abu ad-Darda *Radhiallahu 'anhu* bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

**Maksudnya:** *Kelebihan sembahyang di Masjidil Haram ke atas (masjid-masjid) selainnya ialah 100,000 (kali ganda) sembahyang, dan (kelebihan sembahyang) di masjidku (Masjid Nabawi) ialah 1000 (kali ganda) sembahyang (berbanding masjid-masjid selainnya), dan (kelebihan sembahyang) di Masjid Baitulmaqdis (Masjidil Aqsha) ialah 500 (kali ganda) sembahyang (berbanding masjid-masjid selainnya).*

(Hadits riwayat al-Bazzar)

Meskipun demikian, ganjaran tersebut adalah dari segi nilai pahala semata-mata dan tetap tidak akan dapat menampung sembahyang yang tertanggung qadha'nya ke atas orang tersebut sebagaimana yang dinukil oleh Imam Ibn Hajar al-'Asqalani *Rahimahullah* dalam kitabnya Fath al-Bari daripada Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dan lainnya. Oleh yang demikian, sekiranya seseorang itu tertanggung atasnya dua sembahyang qadha', lalu dia menqadha' satu daripadanya di Masjidil Haram, maka hanya satu sembahyang qadha' yang terlepas daripada tanggungannya kerana pahala mengerjakan sembahyang di Masjidil Haram itu tetap tidak akan dapat melepaskannya daripada kewajipan menqadha' sembahyang yang satu lagi.

Orang yang tidak merebut peluang mengerjakan semua sembahyang di Masjidil Haram, selain mengalami kerugian kerana terlepas ganjaran pahala mengerjakan sembahyang di sana, dia juga mengalami kerugian kerana terlepas ganjaran-ganjaran yang lain seperti kerugian tidak beriktikaf di Masjidil Haram dan tidak dapat mendekati serta menatap Ka'bah ketika beriktikaf di sana kerana orang yang duduk di Masjidil Haram disunatkan untuk melihat Ka'bah dengan penuh keimanan dan pengharapan bahkan melihat Ka'bah itu sendiri merupakan satu ibadah yang mempunyai fadhilatnya yang tersendiri. Dia juga akan mengalami banyak kerugian yang lain seperti terlepas peluang menunaikan tuntutan sunat memperbanyakkan masuk ke Hijr Isma'il dan memperbanyak sembahyang dan berdoa di sana kerana Hijr Isma'il itu merupakan sebahagian daripada Ka'bah dan doa adalah mustajab di sana.

Demikian penjelasan mengenai ganjaran pahala sembahyang di Masjidil Haram.

**SETIAP orang Islam yang berpeluang menjejakkan kaki ke Makkah pasti tidak mahu melepaskan peluang untuk mengerjakan semua sembahyang, sama ada fardhu atau sunat di Masjidil Haram kerana ganjaran pahala mengerjakan sembahyang di Masjidil Haram lebih besar daripada pahala mengerjakannya di masjid-masjid yang lain termasuk Masjid Nabawi.**

MENUJU KEREDAAN ALLAH

# Menginsafi musibah

**KITA** sering dihadapkan dengan beberapa dugaan dan cubaan kehidupan. Sebenarnya kesemua ini adalah kejadian yang menuntut kita agar berfikir dan merenung tentang hakikat kekuasaan Allah dalam mengatur kehidupan di dunia ini.

Ujian menjalani kehidupan memang sangat mencabar. Kadang-kadang kita diuji dengan kesenangan dan nikmat. Kadang-kadang pula kita diuji dengan kesusahan dan musibah. Namun, di sebalik musibah dan kesusahan itu, Allah menyediakan sesuatu kebaikan yang mungkin belum kita ketahui. Segala musibah yang ditimpakan kepada manusia sudah pasti mengandungi beberapa hikmah. Ada musibah yang ditimpakan kerana dosa dan kesalahan sebagai hukuman Allah ke atas hamba-Nya yang ingkar. Ada pula musibah yang ditimpakan sebagai peringatan. Dengan peringatan itu, manusia akan kembali mengingati dan mendekatkan diri kepada Allah, mematuhi perintah-Nya, menegakkan agama-Nya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 255, mafhumnya :

*"Dia mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun daripada ilmu Allah melainkan daripada apa yang dikehendaki-Nya. Luasnya Kursiy Allah meliputi langit dan bumi. Dan tidak berat bagi-Nya untuk memelihara kedua-duanya (langit dan bumi). Dan Dia (Allah) yang Maha Tinggi (darjat kemuliaan-Nya) dan Maha Besar (kekuasaan-Nya)".*

Betapa lemahnya manusia walaupun disertai dengan pelbagai teknologi moden, canggih dan terkini. Ingatlah, walau sehebat manapun teknologi dan peralatan serta kepakaran manusia, ia tidak akan melepasi batasan ilmu yang diberikan Allah kepada mereka. Bahkan Allah mengingatkan bahawa ada dalam kalangan umat terdahulu yang lebih hebat seperti kaum 'Ad, kaum Tsamud, Firaun dan lain-lain namun Allah berkuasa menghancurkan mereka disebabkan keinginan dan kefasikan yang mereka lakukan di muka bumi Allah ini.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Ruum, ayat 9, mafhumnya :

*"Atau adakah mereka tidak mengembara di bumi supaya memerhatikan bagaimana akibat orang-orang sebelum mereka dahulu? Orang-orang itu lebih kuat daripada mereka dan orang-orang itu telah meneroka bumi serta memakmurkannya lebih daripada kemakmuran yang mereka lakukan. Dan telah datang kepada mereka rasul-rasul (yang diutus kepada) mereka dengan membawa bukti-bukti yang nyata (lalu mereka mendustakannya maka Allah pun membinasakan mereka). Allah sekali-kali tidak menganiaya mereka tetapi merekalah yang menganiaya diri mereka sendiri".*

Dalam usaha untuk merungkaikan kekusutan dan segala musibah yang menimpa, kita sewajarnya berazam dan berusaha untuk meninggalkan segala perbuatan mungkar dan laknat yang diharamkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala sama ada dilakukan secara terang-terangan ataupun sembunyi-sembunyi.

Bersamalah kita memperbanyakkan istighfar dan taubat memohon keampunan kepada Allah atas kesalahan dan dosa yang kita lakukan dengan memanjatkan doa dan harapan serta meletakkan pergantungan sepenuhnya kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Tanamkan tekad dan azam untuk menjadi hamba yang sentiasa patuh kepada perintah dan ketetapan-Nya.

Berbahagia dan beruntunglah orang-orang yang disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala kerana taubat yang dilakukannya.

Insafilah bahawa setiap musibah yang hadir dalam kehidupan adalah sebagai ujian yang ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Tempuhilah ia dengan penuh kesabaran dan banyakkan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan segera memohon keampunan dan seterusnya mengambil pelajaran dari ujian musibah yang melanda.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah ayat 51, mafhumnya :

*"Katakanlah (wahai Nabi Muhammad kepada orang-orang munafik itu) : Sesuatu pun sekali-kali tidak akan menimpa kami melainkan apa yang Allah telah tetapkan bagi kami. Dialah Pelindung kami. Dan dengan kepercayaan itu maka kepada Allah sahajalah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakal".*

**INSAFILAH bahawa setiap musibah yang hadir dalam kehidupan adalah sebagai ujian yang ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Tempuhilah ia dengan penuh kesabaran dan banyakkan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan segera memohon keampunan dan seterusnya mengambil pelajaran dari ujian musibah yang melanda.**

# دعاء مموهن كڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سݢل جنيس ڤپاكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وِبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

**Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama**

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡحَيُّ ٱلۡقَيُّومُۚ لَا تَأۡخُذُهُۥ
سِنَةٞ وَلَا نَوۡمٞۚ لَّهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا
فِي ٱلۡأَرۡضِۗ مَن ذَا ٱلَّذِي يَشۡفَعُ عِندَهُۥٓ
إِلَّا بِإِذۡنِهِۦۚ يَعۡلَمُ مَا بَيۡنَ أَيۡدِيهِمۡ وَمَا خَلۡفَهُمۡۖ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيۡءٖ مِّنۡ عِلۡمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَۚ
وَسِعَ كُرۡسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ
حِفۡظُهُمَاۚ وَهُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡعَظِيمُ ٢٥٥

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفۡظُهُمَاۚ وَهُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرَبُ، وَتُقْضَى بِهِ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

اَللّٰهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن يڠ ممباوا كبراونتوڠن ساڠت بسر كڤد ڤڠعملث ( تولق بلاء )

**(1)**

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمَ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللّٰهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas :**
III dan IV sahaja

**Kategori :**
B01, KA01 DAN E01

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM008 / 2024

**Bil. Projek**
2024DBSBM / JPA.01

**Nama Projek:**
Integrasi Pengurusan Pemeliharaan Bangunan (52 Minggu) Bagi Unit Kosong Flat Sewa Kerajaan Di Bawah Kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran :**
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa, 18 Jun 2024

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
2 Julai 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas :**
III & IV sahaja

**Kategori :**
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :**
29 Mei 2024.

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Tidak lewat Selasa,
18 Jun 2024,
jam 2.00 Petang.

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
25 Jun 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DOR / SRC 07 / 2024

**Nama Projek:**
Pembinaan Laluan Jalan Raya Ke / Dari Kediaman Baru Duli Yang Teramat Mulia Di Bukit Kayangan

**Yuran Tawaran :**
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Nama Dokumen Sebut Harga:**
Mencetak Buku Terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

**Bilangan Sebut Harga:**
06 / DBP / SH / 2024-2025

**Harga Borang Tawaran:**
BND10.00

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
12 Jun 2024

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas :**
III sahaja

**Kategori :**
B01

**Bilangan Tawaran:**

JKR / DBSBM013 / 2024

**Bil. Projek**
2024DBSBM / JTNH.01

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Mengecat Dan Penggantian Dan Membuat Laluan Orang Bekeperluan Khas Di Bangunan Bersama Jabatan Tanah, Jabatan Ukur Dan Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran :**
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa,18 Jun 2024.

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,2 Julai 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas :**
III dan IV sahaja

**Kategori :**
B01, KA01 dan E01

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM014 / 2024

**Bil. Projek**
2024DBSBM / JPA.04

**Nama Projek:**
Integrasi Pengurusan Pemeliharaan Bangunan (52 Minggu) Bagi Unit Kosong Flat Perumahan Di Bawah Kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam, Daerah Brunei Dan Muara, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran :**
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa,
18 Jun 2024.

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa, 2 Julai 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas :**
III dan IV sahaja

**Kategori :**
B01, KA01 dan E01

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM009 / 2024

**Bil. Projek**
2024DBSBM / JKR.03

**Nama Projek:**
Integrasi Pengurusan Pemeliharaan Bangunan (52 Minggu) Bagi Unit Kosong Flat Sinarubai dan Blok EF Beribi Di Bawah Kawalan JKR, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran :**
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa, 18 Jun 2024.

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
2 Julai 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong**
**Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas :**
III & IV

**Kategori :**
B01 & KA01 Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa,
18 Jun 2024

**Yuran Tawaran:**
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**

JKR / DTS / 22 / CQS / 2024-T / III

**Nama Projek:**
Projek Pembinaan Rumah Bantuan Bagi Ismail bin Mohammad (00-256274K) Di Kg Panchor Dulit, Dan Bagi Siti Nur Aisah binti Abdullah (30-207069U) Dan Bagi Marenahwati bin Abdullah (01-048261K), Di Kg Maraburong, Tutong Yang Dikendalikan Oleh Jabatan Urusan Zakat, Waqaf Dan Baitulmal

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
2 Julai 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas :**
III dan IV sahaja

**Kategori :**
B01, KA01 dan E01

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM015 / 2024

**Bil. Projek**
2024DBSBM / JPA.05

**Nama Projek:**
Integrasi Pengurusan Pemeliharaan Bangunan (52 Minggu) Bagi Unit Kosong Flat Kiarong Kelas 'B' (Blok B), Kelas 'CC' (Blok C) Dan Kelas 'DD' (Blok F) Perumahan Di Bawah Kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam, Daerah Brunei Dan Muara, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran :**
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa,
18 Jun 2024.

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa, 2 Julai 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dalam

**Kelas:**
Terbuka

**Kategori**:
KPB11A & B01

**Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran:**
Khamis,
13 Jun 2024

**Tarikh Tutup :**
Selasa,
18 Jun 2024
Jam 2.00 Petang

**Bil. Tawaran :**
KHEDN / LTK / 2024-05

**Tajuk Projek :**
Kerja-kerja Pembaikan Bangunan Jabatan Buruh

**Bilangan Projek :**
KHEDN / BPE / 2106 / 01

**Yuran Tawaran :**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**Bilangan Tawaran:**
KHEU / BDP / LTK / 001 / 2024

**Tajuk Tawaran :**
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance Of Mosques In Brunei Muara District, Ministry Of Religious Affairs, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
25 Jun 2024,
Jam 2.00 Petang

**Yuran:**
BND30.00
(tidak dikembalikan)

---

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran :**
KHEU / JPI / LTN / BSK / 07 / 2024-2025
Tawaran Perkhidmatan Bas Sewa Khas 22 Muatan Sebanyak Satu (01) Buah Bagi Kegunaan Sekolah Ugama Kampong Bukit, Daerah Tutong Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun

**Bilangan dan Tajuk Tawaran :**
KHEU / JPI / LTN / BSK / 08 / 2024-2025
Tawaran Perkhidmatan Bas Sewa Khas 22 Muatan Sebanyak Satu (01) Buah Bagi Kegunaan Sekolah Ugama Penapar, Daerah Tutong Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun

Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Tahun 1445H-1446H /
2024M – 2025M

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
18 Zulhijjah 1445H / 25 Jun 2024M, tidak lewat jam 2.00 Petang.

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Makluman Pemberitahuan Tawaran**

Tawaran dibukakan kepada Pemborong-Pemborong yang berdaftar bagi mengikuti Tawaran Projek Kerajaan Negara Brunei Darussalam di dalam kelas II serta mempunyai kategori kerja dalam pembekalan dan perkhidmatan pengubahsuaian.

**Bilangan Tawaran:**
MFA / ICC / STORE / 05 / 2024

**Tajuk Tawaran:**
Membekal Dan Menghantar Kelengkapan Baru Kerusi Dan Meja Di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

**Bayaran Tawaran:**
BND30.00 (tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
25 Jun 2024
Jam 2.00 Petang

---

**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**UNISSA / SB0013 / 2024 / 2025 :**
Membekal Dan Menghantar Kertas Bagi Keperluan Percetakan Bahan-Bahan Terbitan Di Unit Percetakan, Pusat Penyelidikan Dan Penerbitan (PPP) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**UNISSA / SB0014 / 2024 / 2025 :**
To Repair And Supply Gate Barrier Zone A For Gadong Campus Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**UNISSA / SB0015 / 2024 / 2025 :**
Supply, Delivery And Installation Of Equipment For Ibnu Sina Scientific Laboratory Centre, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**UNISSA / SB0016 / 2024 / 2025 :**
Supply And Delivery Of Glassware And Disposable Laboratory Items For Ibnu Sina Scientific Laboratory Centre, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**UNISSA / SB0017 / 2024 / 2025 :**
Supply And Delivery Of Soil-Related Apparatuses For Ibnu Sina Scientific Laboratory Centre, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**UNISSA / SB0018 / 2024 / 2025 :**
Supply And Delivery Of Chemicals For Ibnu Sina Scientific Laboratory Centre, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**UNISSA / SB0019 / 2024 / 2025 :**
To Collect And Deliver Laundry Services / Dry-Cleaning Services Of Unissa Academic And Graduates' Gowns, Scarf (Tudung) And Sabai / Selendang For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**UNISSA / SB0020 / 2024 / 2025 :**
Mencetak Dan Menghantar Sijil-Sijil Dan Folder-Folder Bagi Keperluan Acara-Acara Di Sepanjang Hafl Al-Takharruj Ke-14 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Tahun 2024

**Yuran Tawaran :**
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Rabu
19 Jun 2024
Jam 2.00 Petang

---

**JKR**
**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas :**
III dan IV sahaja

**Kategori :**
B01, KA01 & E01

**Bilangan Tawaran:**

JKR / DBSBM011 / 2024

**Bil. Projek**
2024DBSBM / JPA.02

**Nama Projek:**
Integrasi Pengurusan Pemeliharaan Bangunan (52 Minggu) Bagi Unit Kosong Flat Perumahan Di Bawah Kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam Kawasan Perumahan Gadong, Kg. Beribi, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran :**
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**

JKR / DBSBM012 / 2024

**Bil. Projek**
2024DBSBM / JPA.03

**Nama Projek:**
Integrasi Pengurusan Pemeliharaan Bangunan (52 Minggu) Bagi Unit Kosong Flat Perumahan Di Bawah Kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam Kawasan Rimba, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran :**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa,
18 Jun 2024.

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa, 2 Julai 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

---



**JABATAN PERTANIAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Iklan Tarikh Lanjutan**

**Dibukakan Kepada "Civil & Structural" Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan**

**Tarikh Mula Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
23 April 2024

**Bilangan:**
JPt / TAW / RFQ / 01 / 2024 - 2025

**Nama Projek:**
Request For Quotation (Rfq) Civil & Structural Engineering Consultancy Services For The Provision Of Infrastructure To Imporve Agricultural Industry In Agricultural Development Area (KKP) Tungku B.

**Yuran Tawaran :**
BND100.00
(Non-Refundable)

**Tarikh Mula Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
23 April 2024

**Bilangan:**
JPt / TAW / RFQ / 02 / 2024 - 2025

**Nama Projek:**
Request For Quotation (Rfq) Civil & Structural Engineering Consultancy Services For The Provision Of Infrastructure To Imporve Agricultural Industry In Agricultural Development Area (KKP) Batang Mitus.

**Yuran Tawaran :**
BND 100.00
(Non-Refundable)

**Tarikh Mula Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
23 April 2024

**Bilangan:**
JPt / TAW / RFQ / 03 / 2024 - 2025

**Nama Projek:**
Request For Quotation (Rfq) Civil & Structural Engineering Consultancy Services For The Provision Of Infrastructure To Imporve Agricultural Industry In Agricultural Development Area (KKP) Merangking B.

**Yuran Tawaran:**
BND100.00 (Non-Refundable)

**Tarikh Tutup :**
Selasa, 11 Jun 2024
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

---

**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Rujukan:**
JBBSB / SH / 2024 - 2025 / UP / 01

**Tajuk Sebut Harga:**
Quotation For Maintenance of Decorative Lightings At Bandar Seri Begawan For 78th Royal Birthday Celebration

**Hari Tarikh dan Jam Tutup:**
Khamis,
6 Jun 2024
Jam 2.00 Petang

**Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh Dari:**
Seksyen Pemuliharaan Aset, Bahagian Pengurusan Pemuliharaan Estet Di Bangunan Blok 1 (B1), Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Tingkat 3 Flat Perumahan Kerajaan Jalan Seri Beribi Gadong BE1118, Bandar Seri Begawan.

---

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Iklan Tarikh Lanjutan**

**Dibukakan Kepada "Architect Consultancy" Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan**

**Bilangan Tawaran:**
JKR / RFQ / DOD / 06 / 2024

**Nama Projek:**
Request for Quotation (RFQ) For Consultancy Services For Consortium Under Architect Consultant For Blok Baharu, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha

**Yuran Tawaran :**
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa,
14 Mei 2024

**Tarikh Tutup Tawaran dilanjutkan kepada :**
Selasa, 11 Jun 2024

---

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

1. **Bilangan Tawaran:**
(53)JBS / ADM / QC / 2024

**Keterangan:**
General Building Term Maintenance For A Period Of Twenty-Four (24) Months For 1). Squash Center, HBNSC 2). Lawn Ball, HBNSC 3). Petanque Court, HBNSC 4). Top Spinning Court, (Gelanggang Gasing, HBNSC

2. **Bilangan Tawaran:**
(54)JBS / ADM / QC / 2024

**Keterangan:**
Membekalkan Catridge HP Laserjet Printer Bagi Stok Simpanan Pusat Stor Jabatan Belia dan Sukan

3. **Bilangan Tawaran:**
(55)JBS / ADM / QC / 2024

**Keterangan:**
Supply, Delivery, Install And Warranty For Sport Podiatry Clinic Devices, SMRC

4. **Bilangan Tawaran:**
(56)JBS / ADM / QC / 2024

**Keterangan:**
General Building Term Maintenance For A Period Of Twenty-Four (24) Months For Jerudong Sports Complex

5. **Bilangan Tawaran:**
(57)JBS / ADM / QC / 2024

**Keterangan:**
Urgent Adhoc General Building Term Maintenance For A Period Of Twenty Four (24) Months For All Sports Complex Building (Brunei Muara District)

6. **Bilangan Tawaran:**
(58)JBS / ADM / QC / 2024

**Keterangan:**
General Building Term Maintenance For A Period Of Twenty-Four (24) Months For National Swimming Pool, HBNSC

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Tarikh Tutup:**
20 Jun 2024

---

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Pemberitahuan Tawaran**

**Bilangan Tawaran :**
KK / 120 / 2024 / LAB

**Keterangan:**
To Supply And Deliver COVID-19 Art Kits For Point Of Care Testing Section, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of One (1) Year Usage

**Bilangan Tawaran :**
KK / 121 / 2024 / JPKAS(TC)

**Keterangan:**
The Provision Of Security Services For Health Screening Centre Berakas For A Period Of Three (3) Years

**Kelayakan Pemborong / Pembekal:**
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Pasukan Polis Diraja Brunei Di Bahagian Pe-lesenan Agensi Pengawalan Keselamatan

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Tarikh Tutup:**
Selasa,18 Jun 2024,
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K / 43 / 24 - 25
Supply and Delivery Of Media Converter and Accessories for Robotic Camera

**Bilangan Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K / 47 / 24 - 25
Supply, Deliver, Install, Testing and Commisioning Of Fiber Optic Connectivity From Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien To PGGMB Building

**Bilangan Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K / 48 / 24 - 25
Supply, Deliver, Install, Testing and Commisioning Of Fiber Optic Connectivity From Padang Kemasyarakatan Daerah Tutong To RTB Tutong Studio

**Bayaran Yuran:**
BND5.00
(tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas:**
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

**Tarikh Tutup:**
Rabu,12 Jun 2024,
Jam 2.00 Petang

---

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**DA / JKSH / 37 / 2024 / 2025 [BPPA-MEI-2024]**
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi : Sekolah Rendah Tungku, Daerah Brunei Muara. Kementerian Pendidikan. Kod Blok : SM/20 Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**DA / JKSH / 38 / 2024 / 2025 [BPPA-MEI-2024]**
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi : Sekolah Rendah Sengkurong, Daerah Brunei Muara. Kementerian Pendidikan. Kod Blok : SM/25 Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**DA / JKSH / 39 / 2024 / 2025 [BPPA-MEI-2024]**
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi : Sekolah Rendah Dato Marsal, Daerah Brunei Muara. Kementerian Pendidikan. Kod Blok : SM/28 Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**DA / JKSH / 40 / 2024 / 2025 [BPPA-MEI-2024]**
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi : Sekolah Rendah Paduka Seri Begawan Sultan, Daerah Belait. Kementerian Pendidikan. Kod Blok : SM/55 Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**Bayaran Yuran Sebut Harga :**
BND5.00

**Tarikh Tutup / Waktu :**
Sabtu,
15 Jun 2024
Jam 9.00 Pagi

# PERSIDANGAN ANTARABANGSA KALI KE-2 TUTUP TIRAI

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



**PENGARAH Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (C3L), UBD, Profesor Madya Dr. Jose Hernandez Santos semasa berucap dan menyampaikan sijil kepada penerima (atas dan kanan).**

**TUNGKU LINK**, Selasa, 4 Jun. - Persidangan Antarabangsa Kali Ke-2 mengenai Kesihatan Awam, Alam Sekitar dan Pendidikan anjuran Universiti Brunei Darussalam (UBD) menutup tirainya dengan penekanan ke arah memajukan usaha global untuk pembangunan mampan.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penutup persidangan tersebut berlangsung di Dewan Canselor, UBD, di sini.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan Persembahan Silat oleh mahasiswa dan mahasiswi dari Kelab Silat UBD dan diteruskan dengan ucapan penutup yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (C3L), UBD, Profesor Madya Dr. Jose Hernandez Santos.

Diikuti dengan penyampaian sijil-sijil penghargaan kepada penganjur bersama persidangan dan disusuli dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang Poster Terbaik.

Para pemenang Poster Terbaik ialah Wali Khan Monib yang menerima anugerah dalam Kategori Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan tajuk 'Impak Mikropembelajaran Ke Atas Hasil Pembelajaran Kognitif'; Muhammad Faris Kalong menerima anugerah dalam Kategori Pendidikan dengan tajuk 'Mengintegrasi Sekolah Geometri'; dan Hein MinnTunn menerima anugerah dalam Kategori Penjagaan Kesihatan dengan tajuk 'Melayari Tata Kelakuan Kecerdasan Buatan ASEAN untuk Penjagaan Kesihatan'.

Persidangan dua hari tersebut yang diadakan dari 3 hingga 4 Jun 2024, menyatukan pakar-pakar terkemuka, ahli akademik dan pengamal dari seluruh dunia untuk membincangkan isu-isu penting berkaitan dengan kesihatan awam, alam sekitar, dan pendidikan.

Hari kedua persidangan tersebut menampilkan pelbagai sesi berfaedah, perbincangan yang menarik dan peluang rangkaian yang bernilai bagi semua peserta.

Sesi ucaptama ketiga memberi tumpuan kepada pendidikan, mempersembahkan cadangan penyelidikan pendidikan pemakanan di negara-negara Asia Timur, menonjolkan sumbangan antarabangsa melalui kajian perbandingan dan pembangunan pendidikan, yang disampaikan oleh Profesor Takagi Yumiko dari Kagawa University, Jepun.

Manakala, dalam sesi ucaptama keempat pula, menyelami penyelesaian bersatu untuk menangani sinergi alam sekitar, kesihatan, dan iklim untuk hari esok yang mampan yang dikongsikan oleh Profesor Madya Dr. Sarawut Thepanondh dari Mahidol University, Thailand.

Dewan Canselor, UBD, berfungsi sebagai tempat untuk kedua-dua sesi ucaptama yang membangkitkan pemikiran, membuka ruang untuk perbincangan yang mencabar dan perkongsian pengetahuan dalam kalangan peserta.

Persidangan tersebut juga menampilkan forum 'Masa Depan Bersama' (Futuring Together), dengan segmen tersebut memberikan platform kepada semua penceramah ucaptama untuk terlibat dalam dialog bermakna mengenai memajukan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) melalui pembelajaran sepanjang hayat dalam kesihatan, alam sekitar, dan pendidikan.

Sementara sesi selari yang berikutnya merangkumi pembentangan lisan dan poster, yang membolehkan penyelidik dan ahli akademik mempamerkan hasil kerja mereka dan pertukaran pandangan yang berharga.

Hari terakhir persidangan diakhiri dengan 'Fireside Chat' yang menawarkan sesi ringkasan yang komprehensif bersama ahli-ahli panel, membolehkan penilaian semula dalam perbincangan yang kaya dan langkah seterusnya yang berpotensi dalam bidang kesihatan awam, alam sekitar, dan pendidikan.

Persidangan tersebut turut mendapat pujian daripada peserta atas perbincangan yang berkesan, peluang rangkaian yang berharga, dan komitmen bersama untuk memajukan matlamat pembangunan mampan.

Dengan kejayaan acara tersebut, UBD kekal di barisan hadapan dalam memupuk perbincangan dan kerjasama penting dalam bidang kesihatan awam, alam sekitar, dan pendidikan untuk pembangunan mampan.






# Jerayawara perkukuhkan penguatkuasaan banteras pemerdagangan orang




Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 3 Jun. - Dalam usaha memperkukuhkan penguatkuasaan undang-undang membanteras pemerdagangan orang di Negara Brunei Darussalam, Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia (USPM) dari Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah mengendalikan jerayawara mengenai Jenayah Pemerdagangan Orang kepada beberapa agensi-agensi penguat kuasa kerajaan seperti Jabatan Buruh; Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED); Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK); dan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) yang mana agensi-agensi berkenaan adalah ahli-ahli bagi Jawatankuasa Kebangsaan bagi Anti-Pemerdagangan Orang dan Jawatankuasa Kerja bagi Anti Pemerdagangan Orang.

Jerayawara mengenai Jenayah Pemerdagangan Orang ini diadakan bermula 3 Jun sehingga 6 Jun 2024 di Jabatan Buruh, JKED, JIPK dan JAPEM.

Tujuan utama ia diadakan adalah bagi mengetahui dan memahami secara lebih dalam tentang fungsi serta peranan USPM di dalam usaha-usaha pembanterasan dan pencegahan jenayah pemerdagangan orang khususnya bagi pegawai-pegawai penguat kuasa di barisan hadapan, *first responders* dan penyiasat di jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat.

Antara perkara yang dibentangkan dalam taklimat yang diberikan, adalah berkaitan elemen-elemen pemerdagangan orang dan perbezaannya dengan penyeludupan orang.

Pada tahun 2023, sejumlah 123 kes yang dinilai untuk mencari unsur-unsur jenayah pemerdagangan orang oleh USPM dan telah mendapati sebanyak enam kes yang terdapat elemen dan indikasi yang menjurus kepada siasatan jenayah pemerdagangan orang.

Jerayawara juga mengandungi taklimat tentang Jenayah Pemerdagangan Orang yang disampaikan oleh Ketua USPM, JSJ, Timbalan Penguatkuasa Polis Dayang Hajah Anis@Roszaffina binti Haji Ahmad, dan turut dipamerkan adalah kes-kes yang telah selesai disiasat oleh ahli-ahli di USPM yang disiasat di bawah Seksyen 5 (1) atas kesalahan Pemerdagangan Orang dan Seksyen 6 atas kesalahan Pemerdagangan Seksual dari Akta Anti Pemerdagangan Orang Penggal 230.



**UNIT Siasatan Pemerdagangan Manusia dari Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei semasa mengendalikan jerayawara mengenai Jenayah Pemerdagangan Orang kepada beberapa agensi-agensi penguat kuasa kerajaan (kiri dan atas).**

## DARI MAHKAMAH

# Rasuah : Wadar Penjara didakwa

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 Jun. - Seorang Wadar Penjara, Asmali bin Abdullah telah didapati bersalah oleh Mahkamah Majistret atas dua pertuduhan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 dan satu lagi pertuduhan bagi kesalahan di bawah Akta Penjara, Bab 51.

Hasil siasatan yang dijalankan oleh Biro Mencegah Rasuah (BMR) mendapati bahawa pada 13 Mac 2022 dan 26 April 2022, defendan yang bertugas sebagai Wadar di Jabatan Penjara secara tidak jujur menerima wang suapan sebanyak BND300 daripada dua individu yang berbeza yang mana merupakan ahli keluarga kepada dua banduan yang sedang menjalani hukuman penjara ketika itu.

Wang suapan tersebut adalah sebagai dorongan atau ganjaran kerana telah membenarkan tanpa kebenaran pihak atasan, dua banduan tersebut untuk menggunakan telefon bimbit kepunyaan defendan untuk berkomunikasi dengan orang di luar penjara.

Siasatan juga mendapati bahawa defendan tanpa mempunyai kuasa yang sah, telah menyampaikan komunikasi kepada salah seorang banduan tersebut yang mana telah melanggar Peraturan 329(q), Peraturan Penjara di bawah Akta Penjara, Bab 51.

Pemangku Majistret Kanan, Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid telah menetapkan pada 23 Jun ini bagi sebutan untuk hukuman. Defendan ditahan reman di Penjara Jerudong sementara menunggu hukuman.

Pendakwaan yang dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Pengiran Hajah Nor Azmeena binti Pengiran Haji Mohiddin telah memanggil 11 orang saksi manakala defendan tidak diwakili peguam bela telah memberi keterangan tanpa memanggil mana-mana saksi lain.






## Kenali Bahasa Brunei

**Maumban** bermaksud melontarkan atau melemparkan sesuatu.
Contoh pemakaian kata : abang ***maumban*** batu arah kuyuk atu supaya lari.

**Maumbang** bermaksud menyelongkar atau membongkar.
Contoh pemakaian kata : Si Alai ***maumbang*** naindah dalam lamari atu mancari mainannya.

**Mangumbu** bermaksud bertimbun tentang barang atau pakaian.
Contoh pemakaian kata : mangalih ku, ***mangumbu*** naindah kusasah ari ani.

**Uncit** bermaksud terkebelakang atau terkemudian dalam peperiksaan, perlumbaan, atau pertandingan.
Contoh pemakaian kata : walaupun ia ***uncit*** balusir atu, kana bagi jua adiah saguati.

**SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KKBS**

## Selera KAMPUNG Kitani



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

# Sambal Lada Hati Ayam
## Kampung Lambak

**BAHAN-BAHAN :**

1/2 kilogram hati ayam (dibersihkan dan rebus sekejap) dipotong sederhana kecil
1/2 kilogram cili sayur (cili besar / lada hidup) hijau dan merah dipotong bulat
1 biji bawang bombay dihiris halus
5 biji bawang putih dihiris halus
1 cubit belacan (dilecek dengan sedikit air)

**CARA MEMASAK :**

Ambil satu sudu besar minyak masak dan tuangkan ke dalam kuali. Panaskan kuali dengan api yang kecil. Apabila minyak panas masukkan bawang bombay dan bawang putih. Tumis hingga layu. Setelah itu masukkan satu sudu makan lada kisar, belacan yang telah dilarutkan dan gaul hingga sebati. Apabila naik bau masukkan cili dan gaulkan bersama bahan-bahan tumisan. Selepas itu masukkan hati ayam dan sedikit kicap manis, serbuk perasa, garam dan gula. Tambahkan sedikit air supaya tidak terlalu kering.

# PENGUMUMAN KEPUTUSAN HECAS 2024 PUSINGAN PERTAMA




Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Pendidikan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 4 Jun. - Pengumuman bagi keputusan HECAS 2024 (Pengambilan Pusingan Pertama) untuk Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Politeknik Brunei (PB) bagi Tahun Akademik 2024 / 2025 akan dikeluarkan pada Selasa, 4 Jun 2024, jam 2.30 petang.

Pemohon-pemohon bolehlah mengakses akaun HECAS masing-masing untuk mengetahui status permohonan di laman sesawang HECAS iaitu *https://hecas.moe.gov.bn.*

Bagi pemohon yang tidak berjaya tetapi memenuhi syarat kemasukan yang ditetapkan oleh IPTA dan berhasrat untuk membuat rayuan, pemohon hendaklah mengambil perhatian mengenai perkara-perkara berikut iaitu pemohon akan diberikan tiga hari waktu bekerja untuk menghadapkan rayuan mulai Rabu, 5 Jun 2024.

Hari terakhir untuk menghadapkan Surat Rayuan dan dokumen yang berkenaan adalah pada Sabtu, 8 Jun 2024 sebelum jam 4.30 petang; dan pemohon yang berhasrat untuk membuat rayuan adalah disarankan untuk memohon ke program yang berlainan daripada yang pernah dipohonkan pada bulan Februari 2024 yang lalu.

Surat Rayuan dan dokumen yang berkenaan bolehlah dihadapkan ke institusi-institusi yang berkenaan sama ada *hardcopy* atau *softcopy*.

Bagi UBD, Surat Rayuan bersama dokumen yang berkaitan bolehlah dihadapkan secara e-mel sahaja dan hendaklah ditujukan ke alamat e-mel berikut di bawah Tajuk 'APPEAL HECAS 2024 (1st Round)' kepada Pendaftar dan Setiausaha [U.P.: Penolong Pendaftar Kemasukan dan Rekod Pelajar] UBD atau melalui e-mel : *office.admission@ubd.edu.bn.*

Bagi UNISSA, Surat Rayuan bersama dokumen yang berkaitan, bolehlah dihadapkan secara *hardcopy* atau *softcopy* (e-mel) di bawah Tajuk 'APPEAL HECAS 2024 (1st Round)' kepada Pejabat Pengurusan Akademik Universiti Islam Sultan Sharif Ali Simpang 347, Jalan Pasar Gadong, Gadong, Bandar Seri Begawan BE1310 Negara Brunei Darussalam. Untuk maklumat lanjut, hubungi menerusi talian +673 2462000 / +673 7369760 atau e-mel : *oam@siswa.unissa.edu.bn.*

Bagi UTB, Surat Rayuan bersama dokumen yang berkaitan, bolehlah dihadapkan secara *hardcopy* atau *softcopy* (e-mel) di bawah Tajuk 'APPEAL HECAS 2024 (1 st Round)' kepada Pendaftar dan Setiausaha Pusat Staf dan Pelajar Universiti Teknologi Brunei Jalan Tungku Link Gadong BE 1410 Negara Brunei Darussalam. Untuk maklumat lanjut, hubungi menerusi talian +673 2461020 atau e-mel : *admission.ug@utb.edu.bn.*

Bagi Politeknik Brunei, sila isikan Borang Rayuan secara dalam talian (*online*) dengan mengimbas Kod QR. Pemohon hanya perlu melengkapkan Borang Rayuan secara dalam talian (*online*) yang telah disediakan, dan sebarang penghantaran surat rayuan secara *hardcopy* atau *softcopy* adalah tidak diperlukan dan tidak akan dilayan. Bagi sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus melalui nombor telefon +673 8931819 (semasa waktu bekerja sahaja) atau melalui e-mel : *admission.appeal@pb.edu.bn.*



# MINDA PEMBACA

## Kepentingan air dalam kehidupan

AIR adalah komponen utama yang menyokong kehidupan di bumi. Ia bukan sahaja diperlukan oleh manusia, tetapi juga oleh haiwan dan tumbuhan. Tanpa air, kehidupan seperti yang kita kenal tidak akan wujud. Kepentingan air dalam kehidupan dapat dilihat dari berbagai perspektif, termasuk kesihatan, ekonomi dan sosial.

Dari aspek kesihatan, kepentingan air dalam kehidupan adalah asas kepada manusia. Tubuh manusia terdiri daripada kira-kira 60 peratus air dan setiap sel dalam badan memerlukan air untuk berfungsi dengan baik. Air membantu dalam pencernaan, penyerapan nutrien dan pengangkutan oksigen ke seluruh tubuh. Selain itu, air juga penting untuk membuang toksin dari badan melalui proses perkumuhan. Kekurangan air atau dehidrasi boleh menyebabkan pelbagai masalah kesihatan seperti gangguan fungsi buah pinggang, jangkitan saluran kencing, dan keletihan.

Dari sudut ekonomi, kepentingan air dalam kehidupan adalah aset yang tidak ternilai. Sektor Pertanian yang menjadi sumber utama makanan bagi manusia dan haiwan sangat bergantung kepada air. Pengairan adalah aspek penting dalam memastikan tanaman tumbuh dengan baik dan menghasilkan hasil yang optimum. Tanpa bekalan air yang mencukupi, hasil dari pertanian akan berkurang, yang boleh menyebabkan kekurangan makanan dan kenaikan harga. Kekurangan air boleh menyebabkan gangguan dalam proses pengeluaran dan menjejaskan ekonomi sesebuah negara secara menyeluruh.

Dari perspektif sosial, kepentingan air dalam kehidupan adalah asas kepada keperluan seharian kita seperti memasak, mencuci, dan kebersihan diri. Akses kepada air bersih dan selamat adalah hak asasi manusia yang asas.

Kesimpulannya, kepentingan air dalam kehidupan adalah sumber yang tidak ternilai dan sangat berharga. Ia menyokong kesihatan manusia, mendorong ekonomi dan penting dalam kehidupan sosial kita. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk menjaga dan memelihara sumber air ini agar generasi akan datang dapat menikmati kehidupan yang lebih baik. Amalan seperti menjimatkan penggunaan air, mengelakkan pencemaran, dan melaksanakan pengurusan air yang berkesan adalah langkah-langkah penting yang perlu diambil untuk memastikan kelangsungan sumber air yang berharga ini.

**Nama : Norfadzelah binti Haji Ahmad**
**No. K/P : 01-031XXX**

**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Jadilah Ibu Bapa Bertanggungjawab'.** Tarikh Tutup : **5 Jun 2024**
2. **'Jujur, Amanah Dalam Berniaga'.** Tarikh Tutup : **12 Jun 2024**
3. **'Hentikan Generasi Pembuli'.** Tarikh Tutup : **19 Jun 2024**

Terma dan Syarat :
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

**3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :**
**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn**

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# BIBD AT-TAMWIL BERHAD TERIMA ANUGERAH PELAKSANAAN TEKNOLOGI PENGESAHAN ID TERBAIK




Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 3 Jun. - The Asian Banker pada 24 Mei 2024 mengumumkan BIBD At-Tamwil Berhad sebagai pemenang Anugerah Pelaksanaan Teknologi Pengesahan ID Terbaik.

Ini adalah pengiktirafan kedua dari The Asian Banker dan yang pertama pada 2014 untuk Data Risiko Terbaik dan Analitis untuk pelaksanaan AI dengan FICO, menjadikan mereka syarikat kewangan pertama di Negara Brunei Darussalam yang menggunakan AI untuk keputusan pembiayaan, membolehkan kelulusan *on-the-spot* untuk pelanggan.

Aplikasi mudah alih BIBD At-Tamwil Berhad's Olive Pro menjadi yang pertama diluluskan oleh Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) untuk melaksanakan pengenalan pelanggan secara elektronik (eKYC), membolehkan pelanggan masuk untuk perkhidmatan seperti pembukaan akaun simpanan, deposit berjangka, dan permohonan pembiayaan.

Pelaksanaan eKYC tersebut telah diiktiraf oleh The Asian Banker, penyedia penyelidikan dan risikan strategik yang terkemuka dan disegani dalam industri perkhidmatan kewangan global, sebagai langkah penting ke hadapan bagi NBD untuk setanding dengan bank digital di rantau ini.

Aplikasi mudah alih Olive adalah sebahagian daripada inisiatif Kumpulan BIBD untuk memadankan atau mengatasi bank digital terbaik di rantau ASEAN.

Kumpulan BIBD menyasarkan untuk menyediakan pengalaman perbankan digital yang lancar, selamat dan boleh dipercayai untuk semua pelanggannya.

Projek tersebut termasuk melaksanakan tandatangan digital dan kontrak digital berasaskan *blockchain*, memanfaatkan ID Digital yang akan beroperasi di seluruh Kumpulan BIBD.

Penggunaan teknologi eKYC dan ID Digital yang berkesan dan boleh dipercayai, seperti yang diakui oleh anugerah The Asian Banker, adalah asas untuk menunjukkan pematuhan kepada peraturan BDCB dengan menyediakan ID digital yang tidak dapat dinafikan selamat dan kukuh untuk pengalaman perbankan digital Kumpulan BIBD.

Kumpulan BIBD komited untuk terus belajar, menerima pakai dan menjalankan penyelidikan dan pembangunan, mengeluarkan kemas kini baharu secara kerap untuk meningkatkan ekosistem Olive dan memastikan akses lancar dan selamat kepada produk dan perkhidmatan kewangan untuk semua pelanggannya.

Pengarah Urusan BIBD At-Tamwil, Awang Haji Mohammad Said bin Haji Zania, yang menerima anugerah dari The Asian Banker, melahirkan rasa terima kasih atas peluang untuk mewakili kemajuan NBD dalam transformasi perbankan digital pada perhimpunan bank-bank terkemuka dari seluruh dunia di Hong Kong.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan BIBD, Badan Penasihat Syariah, pengurusan, pasukan Olive, dan semua pelanggan Kumpulan BIBD dan BIBD At-Tamwil Berhad atas sokongan dan bimbingan mereka dalam usaha berterusan tersebut.

Sementara itu, Pengerusi Badan Penasihat Syariah BIBD At-Tamwil Berhad, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, dalam jurnalnya turut menekankan bahawa Projek Olive : Mentransformasikan pemikiran Islam dan amalan teknologi AI dalam industri kewangan Islam, bahawa Islam adalah agama yang progresif menggalakkan usaha meningkatkan taraf hidup dan keadaan umatnya.

## ALAI PINTAR — SOALAN 126

### SOALAN 5 JUN 2024, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan

1. 5.30 meter sama dengan berapa sentimeter?
   a) 5300
   b) 500
   c) 530
2. Kenali Bahasa Brunei, iaitu *ingar*. Apakah maksud *ingar*?
   a) Bising
   b) Sunyi
   c) Ketawa
3. Di daerah manakah letaknya Pantai Muara?
   a) Daerah Brunei Muara
   b) Daerah Belait
   c) Daerah Tutong

**TARIKH TUTUP: 15 JUN 2024**

### SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
   - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 8945310** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : ..........
Tarikh Lahir : ..........
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : ..........
Sekolah : ..........
Tahun : ..........
Alamat : ..........
..........
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : ..........

### HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

### PEMENANG ALAI PINTAR 125

Nama : Mohd. Eshan bin Mohd. Esra
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0125658-01. Sekolah : Sekolah Rendah Jerudong

Nama : Muhd. Naim bin Muhd. Azrin
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0129056-01. Sekolah : Sekolah Rendah Kampung Mata-Mata, Gadong

Nama : Md. Nur Khairan Irfan Furqan bin Md. Nur Khairunnazri
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0121069-01. Sekolah : Sekolah Rendah Dato Basir, Lambak Kanan

### JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 125

1. A – Akan mati
2. B – 5 000 + 300 + 20 + 1
3. C – Manila



# Lindungi alam sekitar tanggungjawab bersama

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Jabatan Penerangan**

**SETIAP** 5 Jun adalah Hari Memperingati Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia, dalam sama-sama memainkan peranan memelihara alam sekitar. Ia disambut di seluruh dunia tidak terkecuali Negara Brunei Darussalam.

Dengan diketuai oleh Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nation Environment Program - UNEP) yang diadakan setiap tahun sejak 1973 dan telah berkembang menjadi platform terbesar dunia dalam jangkauan alam sekitar.

Penglibatan semua pihak termasuk individu, masyarakat, sektor kerajaan dan swasta adalah penting bagi sama-sama menjaga kelestarian alam sekitar. Pelbagai usaha telah dilaksanakan termasuk mengitar semula, penjimatan air dan tenaga, menyokong pengangkutan mapan dan melindungi habitat semula jadi, meningkatkan kesedaran, menyokong dasar hijau dan lain-lain lagi. Dengan melaksanakan usaha secara kolektif, kita boleh membuat perbezaan yang ketara dalam pemuliharaan alam sekitar bagi masa depan yang lestari.

## Tema

Tema bagi Hari Alam Sekitar Sedunia bagi tahun 2024 ialah 'Land Restoration, Desertification, Drought Resilience' (Pemulihan tanah, Penggurunan dan Daya Tahan Kemarau). Tema menghuraikan, pemulihan tanah, penggurunan dan daya tahan kemarau ialah isu alam sekitar yang mendesak dengan kesan yang saling berkaitan ke atas ekosistem dan kesejahteraan manusia. Degradasi tanah disebabkan oleh faktor seperti penebangan hutan dan pertanian yang tidak mapan yang membawa kepada kehilangan produktiviti dan perkhidmatan ekosistem. Sementara, memerangi penggurunan melibatkan pengurusan tanah yang lestari dan pemuliharaan air dan sebagainya. Manakala, daya tahan kemarau memerlukan penambahbaikan pengurusan air yang cukup dan menggalakkan tanaman tahan kemarau. Justeru itu, kerjasama adalah kunci untuk melaksanakan strategi yang berkesan dan mencapai matlamat pembangunan yang mampan.

## Inisiatif memelihara alam sekitar

Dalam meningkatkan kesedaran dan memelihara kelestarian alam sekitar di negara ini, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan, antaranya, Kempen Mengurangkan Penggunaan Bekas Styrofoam sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Tahun 2023 yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) bagi mengurangkan sisa pepejal dan mengurangkan risiko potensi bahaya kesihatan yang datang daripada produk *styrofoam*. Menurut Agensi Perlindungan Alam Sekitar (EPA) pada tahun 1986, proses pengeluaran polistirena adalah pengeluar sisa berbahaya kelima terbesar, ini kerana styrofoam mengambil masa lebih daripada 500 tahun untuk mereput.

Kempen Kebersihan Coastal Marvel yang diperkenalkan pada tahun 2021 oleh Kementerian Pembangunan melalui JASTRe adalah satu usaha *lead by example* pihak kerajaan di bawah Jawatankuasa Induk Isu-isu Kebersihan (JIIK) dalam meningkatkan kesedaran awam perihal kepentingan menjaga kebersihan khususnya di persisiran pantai dan di perairan, sekali gus memperkasa masyarakat untuk menanam rasa tanggungjawab dalam melindungi dan memelihara alam sekitar melalui kaedah pembuangan sampah yang betul.

Isu sampah laut atau lebih dikenali Marine Debris telah mendapat perhatian dunia sejak beberapa tahun kebelakangan ini termasuk negara kita. Justeru itu, pada tahun 2018 JASTRe telah melancarkan Projek Pembersihan Sungai Brunei yang bermatlamatkan menguruskan sisa yang terdapat di sepanjang Sungai Brunei secara holistik.

Secara purata lebih 10 juta tan sisa plastik memasuki sistem air di seluruh dunia, mengakibatkan pencemaran air daripada longkang, sungai dan laut, yang membawa kepada banjir. Ini adalah ancaman bukan sahaja kepada kehidupan marin. Menyedari bahawa botol plastik merupakan penyumbang utama sisa plastik, Inisiatif Tanpa Botol Plastik telah dilancarkan pada tahun 2018.

Inisiatif 3P pula dilancarkan pada 28 Februari 2013, sebagai usaha mengurangkan jumlah sisa kertas yang dilupuskan di tapak pelupusan sampah dan meningkatkan kadar kitar semula, JASTRe telah melancarkan inisiatif berkenaan.

Inisiatif Hujung Minggu Tanpa Beg Plastik diperkenalkan pada 26 Mac 2011, di mana penggunaan beg plastik tidak dibenarkan pada setiap hujung minggu. Tujuan inisiatif ini diungkayahkan oleh Kementerian Pembangunan melalui JASTRe adalah untuk mengurangkan penggunaan beg plastik dan seterusnya mempromosikan penggunaan beg guna semula apabila membeli-belah.

## Kesimpulan

Adalah tanggungjawab kita bersama dalam melindungi dan memelihara alam sekitar dengan mengamalkan amalan mampan, menyokong perubahan dasar dan memupuk budaya penjagaan alam sekitar untuk masa depan yang cerah untuk kehidupan kita dan generasi akan datang. Oleh itu, bersama-sama kita membuat perubahan yang positif bagi memastikan alam sekitar yang lestari.



PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# CHINA PELIHARA KEAMANAN DUNIA MENERUSI TINDAKAN PRAKTIKAL

**SINGAPURA**, 3 Jun. - China membuat sumbangan positif dalam menjaga keamanan dunia dan menyediakan lebih banyak produk keselamatan awam kepada masyarakat antarabangsa menerusi tindakan praktikal.

Demikian dinyatakan kumpulan pakar China selepas menghadiri Dialog Shangri-La ke-21 yang telah menutup tirainya di sini pada Ahad.

Bekas naib presiden Akademi Sains Ketenteraan (AMS) China, He Lei berkata konsep keselamatan yang dikemukakan China adalah berdasarkan visi komuniti berkongsi nasib sesama insan.

"Ia menekankan komuniti keselamatan untuk seluruh umat manusia dan menjunjung konsep keselamatan bersama yang komprehensif, bersifat bekerjasama dan mampan," kata beliau.

Prof. Madya Zhang Chi dari Universiti Pertahanan Nasional China menyatakan visi komuniti berkongsi nasib sesama insan serta Inisiatif Pembangunan Global (GDI), Inisiatif Keselamatan Global (GSI) dan Inisiatif Peradaban Global (GCI) menjadi panduan utama bagi China dalam mengendalikan hubungan sesama negara serta isu-isu semasa berkaitan keselamatan di peringkat global.

"Kami (China) akan terus menawarkan produk keselamatan awam kepada dunia, termasuk mempraktikkan GSI secara mantap, menggerakkan perdamaian antara Arab Saudi dan Iran serta menggalakkan penyelesaian damai krisis Ukraine serta konflik Palestin-Israel.

"Kami juga akan terus berkolaborasi dengan negara-negara Asia Pasifik dan pihak terbabit di dunia ke arah membina komuniti berkongsi nasib di rantau Asia Pasifik," kata beliau. - ©BERNAMA

## Pengarah urusan rugi RM520,000 diperdaya *phone scam*

**JOHOR BAHRU**, 3 Jun. - Seorang pengarah urusan sebuah syarikat swasta mengalami kerugian RM520,000 selepas terperdaya dengan sindiket *phone scam* atau penipuan melalui panggilan telefon bulan lepas.

Ketua Polis Johor CP M Kumar berkata lelaki tempatan berusia 46 tahun itu membuat laporan polis semalam, mendakwa telah menerima panggilan telefon daripada individu yang memperkenalkan diri sebagai polis dari sebuah kontinjen di utara tanah air.

"Individu itu memaklumkan kepada mangsa kononnya telah menemukan kad mesin juruwang automatik (ATM) atas namanya dalam satu serbuan yang dijalankan serta mendakwa dia terlibat dalam kegiatan pengubahan wang haram," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata panggilan itu kemudiannya disambungkan kepada individu lain mendakwa dirinya 'Inspektor Lee Kha Seng' dan menawarkan bantuan dengan cara memindahkan wang milik mangsa ke akaun bank yang diarahkan bagi mengelakkan wangnya disita, sementara siasatan dijalankan.

"Mangsa berasa percaya dengan panggilan tersebut kerana nama dan nombor kad pengenalan yang dibacakan oleh 'Inspektor Lee' adalah benar, selain dia turut menerima surat dengan kepala surat mahkamah menyatakan akan mengambil tindakan penyiasatan, penangkapan dan pembekuan aset, melalui aplikasi WhatsApp.

"Mangsa kemudiannya telah mengikut arahan diberikan dengan membuat pindahan wang ke akaun bank seperti diarahkan berjumlah RM520,000," katanya.

Bagaimanapun, Kumar berkata mangsa menyedari telah ditipu setelah dia terus didesak untuk melakukan pindahan wang lagi, sebelum membuat laporan polis.

Katanya kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan. - ©BERNAMA

## Bedah siasat jenazah pendaki rakyat Malaysia dijangka hari ini

**KUALA LUMPUR**, 3 Jun. - Jenazah pendaki Zulkifli Yusuf yang kini berada di sebuah hospital Anchorage, Alaska dijadual akan menjalani proses bedah siasat pada hari ini.

Perkara itu dimaklumkan Kelab Alpine Malaysia menerusi satu hantaran di Facebook.

"Selepas bedah siasat selesai, proses selanjutnya ialah mendapatkan dokumen yang diperlukan untuk urusan membawa jenazah kembali ke Malaysia, di bantu oleh Konsular General Malaysia di Los Angeles dan pihak syarikat insurans," katanya.

Sementara itu, hantaran tersebut turut memaklumkan mengenai tahap kesihatan pendaki Zainudin Lot yang semakin baik dan dibenarkan keluar dari hospital di Talkeetna, Alaska pada Ahad.

"Sementara itu Muhammad Illaham Ishak masih menjalani rawatan di hospital di Anchorage. Wakil Kelab Jelajah Alpine Norsafrina Shamsir Md Nasir yang kini berada di Talkeetna, Alaska akan membantu urusan untuk mengambil peralatan mendaki yang kini masih berada di pergunungan Denali, yang perlu dikeluarkan oleh pihak berkuasa Taman Negara Denali," katanya.

Sebarang maklumat boleh menghubungi Pegawai Perhubungan Kelab iaitu Ayob Yahaya di talian 0173372696.

Semalam, Kelab Alpine Malaysia memaklumkan jenazah Allahyarham Zulkifli Yusof, 37, yang meninggal dunia semasa mendaki di Gunung Denali di Alaska telah dibawa turun dari lokasi kejadian pada 8.30 pagi, 1 Jun (waktu tempatan). - ©BERNAMA

## Gempa bumi dengan 6 magnitud landa Jepun

**ISTANBUL,** 3 Jun. - Gempa bumi berukuran 6.0 magnitud melanda Wilayah Ishikawa, Jepun awal pagi Isnin.

Gempa bumi itu berlaku pada pukul 6.31 pagi waktu tempatan di Bandar Suzu di pantai timur laut Semenanjung Noto, menurut Agensi Meteorologi Jepun.

Magnitud gegaran itu disemak semula dari 5.9 kepada 6 oleh agensi itu, lapor Agensi Anadolu.

Semenanjung Noto pernah dilanda gempa bumi berukuran 7.6 magnitud pada Hari Tahun Baru yang mengorbankan 260 orang. Lebih daripada 3,000 orang masih tinggal di pusat pemindahan.

Gegaran terbaru ini direkodkan pada kedalaman 10 kilometer dan tidak mencetuskan amaran tsunami.

Sekurang-kurangnya lima rumah rosak di bandar bersejarah Wajima, lapor Kyodo News yang berpangkalan di Tokyo. Tiada kematian atau kecederaan dilaporkan setakat ini.

Gegaran itu dirasai di seluruh Ishikawa dan di wilayah jiran termasuk Fukui dan Niigata.

Gempa susulan terus dilaporkan di rantau ini. - ©BERNAMA

## Malaysia tumpukan penerapan PISMA untuk bangunkan bandar tahan bencana

**SINGAPURA**, 3 Jun. - Kementerian Kerja Raya Malaysia akan menekankan penerapan Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) untuk menangani isu di kawasan bandar yang sering dilanda banjir sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan untuk membangunkan bandar tahan bencana, kata Menterinya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Menteri berkenaan dalam ucapannya di pembukaan pleno Sidang Kemuncak Bandar Dunia (WCS), berkata bahawa dalam hal ini, perancangan guna tanah dalam rancangan struktur negeri dan rancangan tempatan akan diselaraskan dengan PISMA ke arah memperbaiki sistem saliran di kawasan bandar untuk mengurangkan kejadian banjir besar.

"Bandar tahan bencana adalah aspek penting dalam pembangunan bandar, terutamanya di negara yang terdedah kepada bencana alam seperti Malaysia.

Pelaburan dalam infrastruktur tahan bencana, sistem amaran awal termasuk penglibatan komuniti adalah kunci untuk membina keupayaan bandar untuk bertahan dan pulih daripada bencana," katanya.

Menteri berkenaan berkata kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan dasar untuk meningkatkan ketahanan di peringkat tempatan, termasuk Pelan Strategik Pengurangan Risiko Bencana yang dibangunkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, merangkumi peningkatan infrastruktur kritikal untuk mengekang potensi bencana.

Nanta berkata di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya, Dasar Pembinaan Negara 2030 (NCP 2030) diperkenalkan sebagai dasar 10 tahun yang dirumuskan untuk mencerminkan komitmen penuh kementerian dalam memudahkan pemain sektor menjadi lebih tangkas dan kompetitif dalam membangunkan infrastruktur yang mampan.

Beliau berkata 'Thrust Two NCP 2030', salah satu daripada empat strategi yang digariskan, menekankan pembangunan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan tahan bencana yang merupakan asas untuk mewujudkan bandar yang tahan bencana.

Nanta berada di Singapura untuk mengetuai delegasi Malaysia ke WCS dan Forum Infrastruktur Asia (AIF) 2024, yang berlangsung selama tiga hari bermula Isnin.

WCS yang dianjurkan secara dwitahunan adalah platform eksklusif bagi pemimpin kerajaan dan pakar industri untuk menangani cabaran bandar yang boleh didiami dan mampan, berkongsi penyelesaian bandar bersepadu dan menjalin perkongsian baharu.

Beliau juga dijadualkan bertemu dengan Menteri Pembangunan Negara Singapura, Desmond Lee, hari ini. - ©BERNAMA

## Indonesia mohon bantuan Thailand untuk berkas ketua sindiket dadah Fredy Pratama

**JAKARTA**, 3 Jun. - Polis Republik Indonesia (Polri) sedang memohon kerjasama daripada pihak berkuasa Thailand untuk memberkas Fredy Pratama, seorang ketua sindiket dadah yang kini bersembunyi di dalam hutan Thailand.

Permintaan ini dibuat berikutan penangkapan terbaharu Chaowalit Thongduang, seorang buruan Thailand yang ditahan di Badung, Bali, pada Khamis lepas, menurut kenyataan Polri pada Ahad.

Ketua Bahagian Narkotik, Brigadier Jeneral Mukhti Juharsa, menyatakan rancangan mereka untuk mencadangkan pertukaran kepada pihak berkuasa Thailand, menawarkan Chaowalit sebagai balasan untuk menangkap Fredy, yang kini berada dalam Senarai Orang Dikehendaki mereka.

Beliau menekankan kepentingan pertukaran ini, dengan menyebut status Fredy sebagai ketua sindiket dadah utama, dan berkata, "Ada pertolongan, ada balasan ; kami minta Thailand untuk turut menangkap Fredy."

Chaowalit dijadualkan dihantar ke Thailand Selasa ini, katanya.

Ketua agensi siasatan jenayah, Komisioner Wahyu Widada pula berkata penangkapan Chaowalit, yang juga dikenali sebagai Sia Paeng Nanod telah diterima baik oleh Kerajaan Thailand dan pihak polis mereka.

Beliau menjelaskan bahawa Chaowalit menyeberang ke Indonesia dari Thailand menggunakan bot laju pada 8 Disember 2023, pelayaran yang mengambil masa kira-kira 17 jam.

Semasa di Indonesia, Chaowalit menggunakan identiti palsu sebagai warganegara Indonesia dari Aceh Timur bernama Sulaiman, dibantu oleh seorang penduduk tempatan yang sedang diburu.

Dia melawat Medan dan menginap di beberapa hotel dan apartmen sebelum ditangkap di sebuah apartmen di Bali semasa bercuti.

Chaowalit, berusia 37 tahun, telah disabitkan atas kesalahan cubaan membunuh seorang pegawai polis dan terlibat dalam siri cubaan penculikan di Wilayah Phatthalung, Thailand, pada September 2019.

Berikutan hukuman penjara selama 20 tahun dan enam bulan yang dijatuhkan Mahkamah Phatthalung pada Januari 2022, dia dipindahkan ke penjara di Wilayah Nakhon Si Thammarat pada 7 Ogos 2023.

Pada 20 Oktober 2023, Chaowalit dibawa ke Hospital Maharat oleh pengawal penjara untuk rawatan pergigian, tetapi pemeriksaan ditangguhkan oleh doktor.

Walaupun menerima rawatan di tingkat enam hospital dengan kakinya digari ke katil di bawah pengawasan dua pengawal penjara, beliau dilaporkan hilang dua hari kemudian.

Usaha untuk mencarinya melibatkan anggota polis dan tentera, dengan Ketua Pengarah Penjara menawarkan ganjaran sebanyak 100,000 Baht, kira-kira AS$2,712, untuk maklumat yang membawa kepada penangkapannya. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# ROMBONGAN HAJI THAILAND MAHU BELAJAR CARA PENGURUSAN HAJI MALAYSIA

**MAKKAH**, 4 Jun. - Kejayaan demi kejayaan yang dilakar Lembaga Tabung Haji (TH) dalam mengelola dan mengurus jemaah haji Malaysia sehingga mendapat pelbagai pengiktirafan daripada kerajaan Arab Saudi menarik minat pihak pengurusan jemaah haji Thailand untuk mempelajarinya.

Ketua Rombongan Haji Thailand yang juga Ketua Majlis Agama Yala Abdul Baziz Chema berkata Malaysia disifatkan sebagai 'abang' khususnya dalam kalangan umat Islam di Selatan Thailand kerana mempunyai banyak pengalaman dalam mengendalikan jemaah haji yang harus dicontohi negara itu.

"TH merupakan kejayaan umat Islam di Malaysia dan menjadi kewajipan kepada kami untuk mempelajarinya. Saya sangat yakin dengan menimba pengetahuan daripada TH, insya-Allah kita akan dapat menadingi perkara-perkara yang berkaitan pengurusan jemaah haji suatu hari nanti," katanya.

Beliau berkata demikian kepada petugas media selepas mengadakan kunjungan kepada pihak pengurusan TH di Ibu Pejabat TH di sini dengan turut disertai 15 orang termasuk dari bahagian Majlis Agama Islam Pusat, Pejabat Kesihatan dan Kementerian Dalam Negeri Thailand.

Antara perkara yang ingin dipelajari termasuk sistem tabungan TH, aspek pengurusan jemaah dan lain-lain hal yang berkaitan. Thailand katanya tidak mempunyai satu badan khusus yang mengawal selia segala urusan jemaah haji sebaliknya hal yang berkaitan diuruskan 88 agensi pelancongan dengan kos untuk mengerjakan haji sekitar RM40,000 tanpa sebarang subsidi.

Hal itu menyebabkan hanya 7,000 daripada 11,000 kuota yang diperuntukkan untuk umat Islam di negara itu dipenuhi. Sementara itu Ketua Rombongan Haji Malaysia 1445H-2024 Datuk Seri Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata kunjungan pihak pengurusan haji Thailand berkenaan membolehkan kedua-dua pihak bertukar-tukar pandangan dalam soal pengurusan haji.

"Kita lihat ada ruang dan peluang untuk kita adakan kerjasama dan tukar pengalaman serta pandangan tentang urusan haji setiap negara supaya dapat dipertingkatkan prestasi dan kualiti perkhidmatan serta kemudahan yang boleh diberikan kepada jemaah haji negara masing-masing. Sudah tentu setiap negara mempunyai kelebihan yang boleh dipelajari dan itu yang dijadikan semangat dalam perjumpaan itu," katanya. - ©BERNAMA

# AS bantah penggunaan senjata jarak jauh oleh Ukraine terhadap Rusia - Pentagon

**WASHINGTON**, 4 Jun. - Amerika Syarikat (AS) tidak menyokong penggunaan senjata jarak jauh oleh Ukraine ke atas Rusia, kata jurucakap Pentagon, Sabrina Singh pada Isnin.

"Kami tidak menyokong keupayaan serangan jarak jauh ke Rusia, tetapi ya, seperti senjata, HIMARS (Sistem Roket Artileri Mobiliti Tinggi), perkara seperti itu. Apabila ia berkaitan dengan wilayah rentas sempadan, itu adalah sebahagian daripada fokus perubahan dasar," kata Singh kepada pemberita.

Kenyataannya dibuat selepas Presiden AS, Joe Biden minggu lepas memberikan kelulusan secara rahsia kepada Ukraine untuk menggunakan senjata yang dibekalkan AS bagi menyerang Rusia, tetapi hanya berhampiran bandar Kharkiv di timur laut Ukraine.

Singh berkata tentera Rusia terus melakukan pergerakan di sekitar Kharkiv, sambil menambah : "Jadi, itu adalah jenis keupayaan yang akan berguna di sana. Namun begitu, dasar kami mengenai serangan jarak jauh di Rusia, kami tidak menyokong," katanya ketika ditanya sama ada sistem roket HIMARS Amerika boleh digunakan.

Presiden Ukraine, Volodymyr Zelensky pada Ahad mengucapkan terima kasih kepada Setiausaha Pertahanan AS, Lloyd Austin atas keputusan Washington baru-baru ini untuk membenarkan Kyiv menggunakan senjata Amerika terhadap Rusia. - ©BERNAMA

# Senator AS Bernie Sanders tidak akan hadir ucapan Netanyahu di Kongres

**WASHINGTON**, 4 Jun. - Senator Amerika Syarikat (AS) Bernie Sanders pada Isnin mengulangi bahawa beliau tidak akan menghadiri ucapan oleh Perdana Menteri Israel Benjamin Netanyahu pada sesi bersama Kongres.

"Tidak, Tuan Presiden, saya tidak akan hadir untuk ucapan itu," kata Sanders, lapor Agensi Anadolu (AA).

Sanders berkata beliau percaya ia adalah "hari yang sangat menyedihkan" bagi AS apabila Netanyahu telah dijemput oleh pemimpin dari kedua-dua parti politik, termasuk Speaker Dewan Perwakilan, Mike Johnson (Republikan); Ketua Majoriti Senat Chuck Schumer (Demokrat); Pemimpin Minoriti Senat, Mitch McConnell (Republikan) dan Pemimpin Minoriti Dewan Perwakilan, Hakeem Jeffries (Demokrat).

Menurut sumber tempatan yang memetik pejabatnya, tiada tarikh ditetapkan untuk ucapan Netanyahu, susulan laporan yang menyatakan ia dijadualkan pada 13 Jun.

Dengan menunjukkan gambar kanak-kanak yang kelaparan di Gaza yang diambil oleh Getty, Reuters dan Al Jazeera, Sanders mengecam Johnson yang menuduhnya 'mengulangi kenyataan Hamas' kerana enggan menghadiri ucapan oleh Netanyahu.

"Saya akan berkata kepada Speaker Johnson bahawa apabila anda menghadiri majlis makan malam pengumpulan dana dengan rakan-rakan jutawan anda, dan anda menikmati stik dan udang galah yang lazat serta makanan lain yang hebat, sila ingat gambar-gambar ini dari Gaza," kata Sanders.

Senator itu menambah bahawa AS perlu ingat bahawa kerajaan Netanyahu sengaja menyekat bantuan kemanusiaan, termasuk makanan, air dan bekalan perubatan.

Beliau yang memetik PBB sebagai berkata sejak pertengahan Januari, sekurang-kurangnya 30 kanak-kanak telah mati kelaparan dan lebih 93,000 kanak-kanak di bawah umur lima tahun telah disaring untuk kekurangan zat makanan. Walaupun terdapat resolusi Majlis Keselamatan PBB yang menuntut gencatan senjata segera, Israel meneruskan serangan kejamnya di Gaza.

Lebih 36,400 rakyat Palestin telah terbunuh di wilayah tersebut hampir lapan bulan konflik, kebanyakannya wanita dan kanak-kanak manakala lebih 82,600 lagi cedera, menurut pihak berkuasa kesihatan tempatan. - ©BERNAMA

# Jokowi lawat Nusantara selepas lantik pegawai baharu pantau projek ibu kota

**JAKARTA**, 4 Jun. - Presiden Joko Widodo, yang juga dikenali sebagai Jokowi melawat Nusantara pada Selasa, sehari selepas melantik kepimpinan baharu bagi Pihak Berkuasa Ibu Kota Nusantara (OIKN).

Perjalanan beliau bermula dengan penerbangan ke Balikpapan, Kalimantan Timur pada petang Isnin, diikuti dengan lawatan ke ibu kota baharu untuk menyelia kemajuan pembangunan dan merasmikan projek-projek pendidikan.

Dalam kemas kini video yang dikongsi di media sosial, Jokowi menyatakan : "Kami juga akan memeriksa persiapan untuk sambutan Hari Kemerdekaan pada 17 Ogos yang akan datang".

Jokowi melantik Menteri Kerja Raya dan Perumahan Awam M. Basuki Hadimuljono dan Timbalan Menteri Agraria dan Tata Ruang, Raja Juli Antoni masing-masing sebagai pemangku ketua dan timbalan ketua OIKN.

Menteri Sekretariat Negara, Pratikno dalam sidang media pada Isnin mengumumkan berita bahawa Jokowi telah menerima surat peletakan jawatan bekas ketua dan timbalan ketua pihak berkuasa itu, Bambang Susantono dan Dhony Rahajoe. Bambang meletak jawatan ketua OIKN yang disandangnya sejak Mac 2022, kira-kira dua bulan menjelang acara penting yang dijadualkan pada Ogos di Nusantara.

Menurut Pratikno, Basuki dan Raja Juli dipanggil oleh Jokowi untuk memajukan pembangunan Nusantara selaras dengan pelan "Nusa Rimba Raya", yang memberi tumpuan kepada pemeliharaan sumber semula jadi, terutama hutan, sambil meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan sosial.

Sementara itu, Basuki menekankan komitmen mereka untuk menyelesaikan isu tanah dan pelaburan di Nusantara, dengan menyatakan : "Kami akan segera memutuskan status tanah di Nusantara, sama ada melalui jualan, pajakan, atau skim Perkongsian Awam-Swasta. Matlamat kami adalah untuk mempermudah prosedur dan meningkatkan keyakinan pelabur".

Menteri itu juga ditugaskan untuk menubuhkan kerajaan tempatan khas untuk Nusantara dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri melalui pasukan tugas bersama. - ©BERNAMA

# Filipina batalkan 29 penerbangan domestik

**MANILA**, 4 Jun. - Kira-kira 29 penerbangan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Ninoy Aquino di Filipina telah dibatalkan susulan letusan Gunung Kanlaon di Pulau Negros, menurut Pihak Berkuasa Lapangan Terbang Antarabangsa Manila pada Selasa, lapor Agensi Berita Filipina (PNA).

Institut Vulkanologi dan Seismologi Filipina (Phivolcs) pada Isnin malam menaikkan tahap amaran Gunung Kanlaon daripada tahap satu kepada tahap dua akibat letusan yang berlangsung selama enam minit, lapor Agensi Berita Emirates (WAM).

Pihak berkuasa penerbangan menasihatkan juruterbang untuk mengelak daripada terbang berhampiran puncak gunung berapi kerana pancutan daripada letusan freatik secara tiba-tiba boleh membahayakan. - ©BERNAMA

## Pesawat kargo mendarat cemas di lapangan terbang Narita, Tokyo

**TOKYO**, 4 Jun. - Sebuah pesawat kargo melakukan pendaratan cemas pada pagi Selasa beberapa saat selepas berlepas dari lapangan terbang Narita, Tokyo berikutan laporan kebakaran pada satu daripada enjinnya, lapor Xinhua.

Insiden itu melibatkan pesawat Polar Air Cargo, Penerbangan 752 menuju ke Los Angeles, yang berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Narita pada 10 pagi waktu tempatan.

Menurut laporan media tempatan, pesawat itu kemudian berpatah balik dan mendarat di lapangan terbang Narita kira-kira 11.25 pagi waktu tempatan.

Tiada kecederaan dilaporkan.

Pihak berkuasa sedang menjalankan siasatan menyeluruh untuk menentukan punca kebakaran enjin pesawat. - ©BERNAMA

# Palestin mohon sertai Kes Genosid difailkan Afrika Selatan terhadap Israel di ICJ

**THE HAGUE**, 4 Jun. - Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada Isnin berkata Palestin memfailkan permohonan kebenaran untuk mencelah dan perisytiharan untuk mencelah dalam kes Afrika Selatan terhadap Israel berhubung permohonan Konvensyen Pencegahan dan Hukuman Jenayah Genosid di Semenanjung Gaza.

Dalam satu kenyataan, ICJ berkata Negara Palestin telah mengemukakan permohonannya pada 31 Mei, lapor Agensi Berita dan Maklumat Palestin.

Permohonan Palestin itu adalah dalam rangka komitmen Palestin untuk terus mengambil semua langkah undang-undang di peringkat antarabangsa bagi mempertahankan hak rakyat Palestin dan menghentikan jenayah genosid yang dilakukan terhadap mereka.

Ia juga datang dalam konteks komitmen Palestin terhadap kesahihan dan undang-undang antarabangsa sebagai asas untuk menamatkan ketidakadilan sejarah dan pendudukan penjajah serta menuntut pertanggungjawaban terhadap jenayah yang dilakukan.

Palestin menyeru semua negara pihak kepada Konvensyen Antarabangsa Mengenai Pencegahan dan Penghukuman Jenayah Genosid untuk menyertai prosedur saman yang difailkan oleh Afrika Selatan, melindungi rakyat Palestin daripada jenayah genosid, memastikan tiada pengulangan jenayah kejam itu pada masa hadapan dan memelihara kelangsungan sistem berdasarkan undang-undang antarabangsa.

Palestin juga menyeru semua negara untuk mematuhi langkah-langkah sementara yang dikeluarkan oleh ICJ, menggesa pelaksanaannya dengan segera. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI




# KEJOHANAN SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH ASEAN KE-13 BUKA TIRAI

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan**



**PENGARAH Pendidikan Kokurikulum, Awang Julaihi bin Mohamad / Mohamat, selaku Chef de Mission Kontinjen Majlis Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam, Kementerian Pendidikan bersama para atlet Negara Brunei Darussalam mengibarkan bendera semasa perbarisan pada majlis pembukaan berkenaan.**

**DA NANG, VIET NAM**, Isnin, 3 Jun. - Majlis Menaikkan Bendera dan Majlis Pembukaan Rasmi Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-13 bagi Tahun 2024 telah berlangsung baru-baru ini di Tien Son Sports Palace, Da Nang, Viet Nam.

Majlis Menaikkan Bendera yang diadakan pada 1 Jun 2024, pada sebelah pagi disaksikan oleh jemputan-jemputan khas daripada negara-negara yang menyertai kejohanan ini, Chef de Mission (Ketua Rombongan) daripada setiap negara serta para pegawai, pengurus, jurulatih dan atlet.

Hadir selaku jemputan khas dan wakil bagi Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam ialah Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Julaihi bin Mohamad / Mohamat, selaku Chef de Mission Kontinjen Majlis Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (MSSSBD), Kementerian Pendidikan.

Majlis dimulakan dengan Persembahan Tarian Kebudayaan negara Vie Nam dan seterusnya diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Timbalan Pengerusi Da Nang City People's Committee, Tuan Trần Chí Cường, selaku Timbalan Ketua Congress Organizing Committee.

Kemudian, majlis diteruskan lagi dengan acara menaikkan bendera setiap kontinjen negara yang diiringi dengan lagu kebangsaan negara masing-masing bagi menandakan ketibaan dan penyertaan negara peserta yang mengambil bahagian pada kejohanan pada tahun ini.

Sebanyak 10 buah negara anggota ASEAN akan mengambil bahagian dalam edisi kejohanan tahun ini iaitu Viet Nam selaku tuan rumah, Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura dan Thailand.

Manakala Majlis Pembukaan Rasmi Kejohanan pula telah diadakan pada sebelah malam yang disempurnakan oleh Ahli Party Central Committee, Timbalan Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Trần Hồng Hà.

Turut memberikan ucapan alu-aluan semasa Pembukaan Rasmi tersebut ialah Timbalan Pengerusi Da Nang City People's Committee, Tuan Trần Chí Cường, selaku Timbalan Ketua Congress Organizing Committee; dan Presiden Indonesia Schools Sports Council, Tuan Dr. Bayu Rahadian selaku Presiden ASEAN Schools Sports Council (ASSC).

Majlis perasmian juga diserikan dengan pelbagai persembahan oleh pelajar-pelajar sekolah dari negara tuan rumah, Viet Nam.

Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Kali Ke-13 Tahun 2024 akan berlangsung di Da Nang, Viet Nam selama sembilan hari bermula 1 hingga 9 Jun 2024.

Seramai 1,300 atlet pelajar dijangka akan menyertai kejohanan ini, yang mempertandingkan sebanyak enam acara sukan iaitu badminton, bola keranjang, olahraga, renang, pencak silat dan vovinam.

Kontinjen MSSSBD terdiri daripada 56 orang, iaitu 33 atlet pelajar dan 23 pegawai yang ditugaskan sebagai Chef de Mission, Timbalan Chef de Mission, pegawai sekretariat, pengurus pasukan, jurulatih, pegawai perubatan dan media.

MSSSBD akan menyertai lima acara sukan iaitu badminton, bola keranjang, olahraga, renang, dan pencak silat.

Tahun ini merupakan penyertaan MSSSBD kali ke-12 sejak kejohanan ini dianjurkan pada tahun 2009.

Kejohanan ini merupakan salah satu program tahunan yang dimuatkan dalam kalendar aktiviti MSSSBD dan juga Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Para atlet-pelajar MSSSBD yang menyertai pada tahun ini terdiri daripada pelajar terpilih dari beberapa buah sekolah menengah yang menyertai kejohanan-kejohanan yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Sebagai persediaan, atlet-atlet pelajar berkenaan telah pun menjalani latihan pusat selama tiga minggu sepanjang bulan Mei tahun ini di bawah bimbingan pengurus dan jurulatih yang telah dilantik.

Untuk mengikuti perkembangan sepanjang Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-13, Da Nang Viet Nam sila layari media sosial rasmi kejohanan berkenaan di alamat *https://www.facebook.com/share/v/hrMdmbsfURYvX525/?mibextid=oFDknk.*

# 20 pasukan bakal berentap dalam Kejohanan Badminton Berpasukan Piala Amitie 2024



**SUASANA pembukaan Kejohanan Badminton Berpasukan Piala Amitie 2024.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 Jun. - Kejohanan Badminton Berpasukan Piala Amitie 2024 membuka tirainya malam tadi dengan menyaksikan penyertaan sebanyak 20 pasukan yang melibatkan seramai 260 pemain dengan pelbagai tahap kemahiran.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi merasmikan kejohanan yang diadakan di Pusat Belia di ibu negara, Yang Dipertua Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam (PBKBD), Awang Mohd. Zuno Kartono bin Haji Ali.

Kejohanan tersebut merupakan anjuran bersama PBKBD dan Jotech Advertising and Souvenir (JAS) dan disokong oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan dibukakan kepada rakyat dan penduduk tetap, serta warganegara asing yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam.

Sebanyak lima kategori dipertandingkan, iaitu Beregu Veteran Lelaki, Beregu Lelaki Advanced, Beregu Lelaki Intermediate, Beregu Lelaki 35 Tahun Ke Atas dan Beregu Wanita Terbuka.

Pasukan-pasukan yang bertanding dibahagikan kepada empat kumpulan untuk perlawanan secara *round robin* terlebih dahulu bagi mendapatkan dua pasukan teratas di setiap kumpulan untuk mara ke peringkat suku akhir dan seterusnya.

Orang ramai dialu-alukan untuk menyaksikan kejohanan tersebut pada setiap malam hari perlawanan, iaitu Isnin hingga Ahad, kecuali Khamis.

Jadual perlawanan bolehlah didapati di Instagram *@amitiesportsapparel*.

Kejohanan Piala Amitie merupakan inisiatif Kelab Badminton Jotech untuk memperkembangkan sukan badminton secara kompetitif di negara ini bagi melahirkan masyarakat yang sihat dan cergas fizikal dan mental.

Selain itu, ia bertujuan untuk memberi peluang kepada para pemain muda menunjukkan bakat masing-masing dalam suasana yang berdaya saing, di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim melalui aktiviti riadah.